SEJAK 1971 SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 28 September 2015 | Jilid 45 Bil 1 | RM1.00 | beritakampus45@gmail.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS | Merungkai makna di sebalik keris | 10-11



Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr Omar Osman menjulang piala kejuaraan bersama johan keseluruhan persembahan Variasiswa 2015, Desasiswa Fajar Harapan di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), USM pada 18 September 2015.

Larang guna logo, nama USM tanpa kebenaran

Oleh **NIK FAIZUL HISHAM ISMAIL**

Penggunaan logo dan nama Universiti Sains Malaysia (USM) oleh kelab dan persatuan yang tidak berdaftar adalah salah di sisi undang-undang.

Logo dan nama USM adalah hak milik USM dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran universiti.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USM, Profesor Dato' Dr Adnan Hussein, sesiapa sahaja bukan sekadar kelab dan persatuan, tidak boleh menggunakan logo, nama atau logotaip USM tanpa kebenaran. BHEPA hanya boleh menasihati siswa-siswi supaya tidak bergerak melalui pertubuhan yang tidak berdaftar dengan USM.

"Untuk penguatkuasaan, terpulang kepada Unit Perundangan untuk mengambil tindakan. BHEPA mendaftar dan mengurus persatuan yang berdaftar sahaja. Jika terdapat persatuan yang tidak berdaftar menjalankan kegiatan di USM, kita akan laporkan kepada pihak perundangan", tambahnya lagi.

Menurut Penasihat Undang-Undang USM, Encik Khairul Anuar Che Azmi, kelab dan persatuan yang tidak berdaftar dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA) adalah salah di sisi undang-undang.

Hal ini disebabkan logo dan nama USM dilindungi di bawah Akta Cap Dagang 1976.

"Banyak kelab dan persatuan yang tidak berdaftar menggunakan logo dan nama USM. Masalah berada di luar kawalan dan USM tidak dapat mengawal masalah ini", kata beliau.

Beliau menambah lagi bahawa Pejabat Perundangan hanya boleh memberi teguran kepada kelab dan persatuan terbabit. USM tidak mengambil tindakan tegas atau mengenakan sebarang hukuman terhadap kelab dan persatuan tersebut kerana USM adalah hak bersama.

Jika masalah ini berterusan, Pejabat Perundangan boleh mengambil tindakan ganti rugi atau denda.

USM tingkat kerjasama global

Pejabat Media dan Perhubungan Awam (MPRC) Universiti Sains Malaysia (USM) telah menganjurkan satu sidang bersama duta-duta asing di bawah program USM 2nd Ambassador Summit 2015 bagi memperkasa hubungan strategik antara negara khususnya dalam bidang pendidikan tinggi.

Sidang yang bertemakan Enhancing Global Collaborations ini diadakan dari 11 hingga 13 September yang lalu.

Selari dengan fokus utama USM iaitu mengukuhkan pembangunan akademik, penyelidikan dan inovasi serta pembangunan bakat dalam kalangan siswa-siswi, penyelidik dan ahli akademik, kerjasama global telah dijalankan bagi mencapai fokus tersebut.

USM mempunyai hubungan rapat dengan lebih daripada 300 institusi dari seluruh negara sama ada dalam bidang penyelidikan dan inovasi atau akademik dan pertukaran pelajar melalui pelbagai bentuk persefahaman yang ditandatangani.

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr Omar Osman berkata bahawa USM berhasrat mewujudkan satu kampus global sebagai satu titik pertemuan cendekiawan dunia dan golongan intelektual, sebagai satu titik pertemuan untuk pakar-pakar seni dan budaya, satu tempat di mana siswa-siswi boleh bertemu untuk membincangkan isu-isu kepentingan bersama.

"Dari segi isu-isu kemanusiaan global, USM terus berusaha meningkatkan tahap kerjasama intelektual dan sukarelawanan bagi mendapatkan penyelesaian terhadap krisis semasa tentang isu pelarian, krisis kemanusiaan dan konflik, isu tentang bencana alam dan kebimbangan lain di mana kita boleh bekerjasama dan membantu untuk menyelesaikan krisis tersebut. Di USM terdapatnya Unit Penyelidikan dan Pendidikan Untuk Perdamaian (REPUSM) yang bertujuan untuk menyumbang secara aktif kepada kebenaran dan keamanan melalui program-program penyelidikan, pendidikan dan latihan", tambah beliau.

"USM juga sedang meneroka peluang lain untuk bekerjasama dengan universiti luar negara dalam penawaran program akademik seperti bekerjasama dengan universiti Perancis dalam menawarkan program ijazah lanjutan berkembar dalam sains kimia dan USM juga telah berjaya dalam bekerjasama dengan India untuk menawarkan program sarjana muda dalam bidang perubatan", kata beliau.

"Kerjasama ini ialah beberapa contoh usaha USM dalam penyelidikan, biasiswa akademik, mobiliti siswa-siswi dan juga hal ehwal akademik. Kita turut menjemput mana-mana pihak yang berminat untuk meneroka peluang bekerjasama dengan memberi kuliah bersiri, pameran, pertunjukan budaya dan seni, penerbitan buku bersama, penglibatan masyarakat, kesukarelawanan, keusahawanan dan juga program-program yang memberi kuasa kepada belia seperti Parlimen Pelajar, Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Novel (NRIC), kejohanan hoki dunia dan program lain yang akan terus memahami dan mewujudkan kerjasama tanpa sebarang sekatan terhadap usaha terhadap bidang akademik", ujar beliau.

Sidang ini membawa bersama-sama duta dari pelbagai negara dengan ahli akademik, penyelidik dan siswa-siswi dalam memenuhi hasrat mewujudkan masyarakat global di dalam USM yang menghargai kepelbagaian untuk kelestarian pada hari esok, melalui kerjasama tulen yang akan membantu untuk mengukuhkan agenda masa hadapan USM dengan institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa.

USM 2nd Ambassadors Summit 2015 dihadiri oleh duta dan wakil duta dari Nigeria, Perancis, Indonesia, India, Republic Czech dan Pakistan.

Antara tajuk yang diutarakan oleh duta dan wakil duta ialah mengenai peluang pendidikan di negara mereka dan jenis-jenis bantuan yang diberikan kepada pelajar dari negara luar.

Parking is a privilege, not a right

'Takde parking…' 'JK clamp kereta saya..' …

These are the statements, often heard coming out of the students' mouths.

Parking problems in campus has been an ongoing issue and it is widely spoken about amongst the students of Universiti Sains Malaysia (USM), some expressing their disappointment while others vent their frustrations to their friends.

As someone who drives myself, often times, it has been excruciatingly hard for me to find a decent parking spot, one that is just a stone's throw away from class. I won't deny, it is frustrating to drive back and forth, countless times just to spot a glimpse of unfilled space. And it would be even more frustrating, just to find one of your tires being clamped by the authorities after a long day at campus.

Having said that, I do believe that the authorities are only playing their part in ensuring the welfare of the university. What would happen if the authorities blindly issue the stickers to students without needing them to meet certain conditions? What would happen if there is no limitation set for the number of parking spots?

Students need to understand that limitations like these are placed for the betterment of the institution and the people in it. They need to understand that these conditions are intended to avoid a situation that goes against the hierarchy of the university. How? The absence of these conditions will likely bring the students to carelessly park wherever they want without thinking of its consequences and this will led the parking spaces to be filled only by students, when supposedly priorities are to be given to the lecturers and staffs. Charging RM50 for each tire being clamped is actually a reasonable way to lessen the number of student cars around the campus. Students should see this penalty as a threat to not abuse the privilege given to them.

They may voice out vigorously about where is their right as students, but what they need to realize is that it was never their right, but a privilege bestowed upon them. Apart from that, students also need to realise that, lecturers' priorities are to provide them with opportunities for learning, not parking spaces for students which are growing every semester.

Charging RM50 for each tire being clamped is actually a reasonable way to lessen the number of student cars around the campus. Students should see this penalty as a threat to not abuse the privilege given to them.

Spend thriftily

Berita Kampus would like to congratulate the new batch of USM students of 2015/2016 intake and welcome the rest of the students back to a new semester. It is by three weeks observation that the writer feels the students of USM spent vigorously on things which are deemed to be the wants than the needs of a student.

Students who are on loan are advised to spend wisely on universities material because the loan is supposed to last for six months and for the usage of necessary needs. There are numbers of ways students could manage their financial properly and not spending on unnecessary things.

First and foremost, plan your financial activities properly from the beginning of the new semester. A proper planning of your financial activities will not only help you in keeping track of your spending but will also teach you to be responsible of your spending habits. One of the ways of keeping track is to keep a notebook of your spending and to write down every single details that you have spent.

Second, always take a bus instead of a taxi to get somewhere around Penang as it will not only help you in being thrifty but will also helps in conserving environment. According to tripadvisor website, taxi in Penang are notable for charging their customers overpriced and as a student we do not want to be one of the victims of these overcharged price. When one takes a bus to get somewhere not only will get to see the beauty of Penang but at the same time save the environment by commuting in a less carbon produces vehicles.

Third, rechecking assignments for grammatical and spelling errors will go along way for your marks. Not only will this help in saving your money in reprinting when there is a mistake but it will, again, help the environment by not using paper more than needed. It is advisable that before every print, spelling and grammatical errors are check. Apart from that, every quotation and citation should be properly done to avoid any deduction of marks.

Always think twice before buying unnecessary product like a new phone. It is undeniable that universities are full of students from different financial backgrounds and one can not help but to compete with one another over materialistic products. One should know where they stand financially and they should spend within their means. Trying to compete with another person over materialistic products is not advisable as materialistic product is a never-ending need.

With the economic crisis that has been going on in Malaysia, students especially are advised to spend wisely and thriftily in order to survive the rest of the semester with ease. Money is among important factors for university students - from the food we consume to the assignments which are needed to be printed out. As an APEX students, we should be able to plan our financial needs systematically.

Fahami pembahagian mata MyCSD

Isu pembahagian mata MyCSD dikatakan tidak adil dalam kalangan siswa-siswi ini bangkit setelah ramai di antara siswa-siswi khususnya mereka yang menyertai acara Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) sebagai peserta tidak mendapat tawaran penempatan desasiswa. Dakwaan ini lahir akibat kekecewaan yang dialami oleh siswa-siswi kerana tidak mendapat tawaran penempatan desasiswa. Namun rasa kecewa ini mungkin boleh dikurangkan jika mereka faham dengan jelas konsep pembahagian mata MyCSD yang telah ditetapkan.

Terlebih dahulu, siswa-siswi yang bergiat aktif terutamanya dalam program anjuran desasiswa perlu tahu bahawa menyertai program anjuran desasiswa misalnya SUKAD, tidak menjamin tawaran penempatan desasiswa. Bagaimanapun jumlah mata MyCSD yang dikumpul di akhir sidang pengajian yang akan diambil kira bagi mendapatkan tawaran penempatan desasiswa pada sidang akademik yang berikutnya. Selain itu, pembahagian mata MyCSD dibuat berdasarkan beberapa aspek yang telah ditetapkan secara adil dan saksama dan pihak pengurusan desasiswa atau Unit Perumahan dan Penginapan Universiti (UPPU) tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengubah ketetapan ini.

Pembahagian mata MyCSD telah dirangka dan dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu Kepimpinan/Projek, Kepimpinan/Persatuan dan Pencapaian. Ketiga-tiga aspek ini pula dibahagikan kepada beberapa jawatan yang disandang dan peringkat sesuatu program itu.

Antara jawatan yang terdapat dalam kerangka pembahagian mata MyCSD menerusi dua aspek pertama iaitu Kepimpinan/Projek dan Kepimpinan/Persatuan adalah Pengikut, Peserta, Pelaksana, dan Peneraju.

Manakala dari segi aspek pencapaian pula terbahagi kepada empat kategori iaitu Peserta/Tiada Anugerah, Ketiga, Naib Johan dan Johan. Siswa-siswi akan dinilai dan diberikan mata MyCSD berdasarkan jawatan yang disandang dan pencapaian yang diraih dalam sesuatu program itu.

Pada masa yang sama, pembahagian mata MyCSD ini juga akan dinilai berdasarkan peringkat program yang disertai oleh siswa-siswi.

Antara peringkat program yang terdapat dalam ketiga-tiga teras utama pembahagian mata MyCSD ini pula adalah peringkat Pusat Pengajian/Desasiswa/Persatuan/Kelab, peringkat Negeri/Universiti, peringkat Kebangsaan/Antara Universiti dan akhir sekali peringkat Antarabangsa.

Setiap peringkat ini juga membawa nilai mata MyCSD yang berbeza.

Secara ringkas, mata MyCSD yang akan diterima oleh siswa-siswi adalah berdasarkan jawatan yang disandang dan peringkat program yang disertai.

Semakin tinggi jawatan yang disandang dan semakin tinggi peringkat sesuatu program itu, semakin tinggi mata MyCSD yang akan diperolehi oleh siswa-siswi. Oleh yang demikian, siswa-siswi perlu mengambil kira setiap faktor dalam pembahagian mata MyCSD ini bagi meraih jumlah mata MyCSD yang tinggi.

Akhir kata, siswa-siswi perlulah bijak membuat pilihan dalam melibatkan diri secara aktif terutamanya dalam aktiviti di luar kelas.

Penglibatan siswa-siswi dalam program akademik atau aktiviti ko-kurikulum tidak seharusnya berasaskan pengumpulan mata MyCSD semata-mata namun siswa-siswi perlu lebih peka terhadap nilai dan ilmu yang dipelajari dari sesuatu program itu.

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi
TELEFON 04-653 5073
E-MEL beritakampus45@gmail.com

Berita Kampus adalah akhbar makmal pelajar kewartawanan Pusat Pengajian Komunikasi yang diterbitkan bersama Pusat Media dan Perhubungan Awam (MPRC) USM.

Sejak 1971. Suara dari menara ilmu

Kemudahan desasiswa tanggung-jawab bersama

Kemudahan yang disediakan oleh sesebuah desasiswa amat penting bagi memenuhi keperluan penghuni. Kemudahan yang rosak boleh menyukarkan dan membahayakan penghuni yang menggunakannya.

"Kami amat memahami keperluan penghuni. Jadi pihak kami sentiasa menyelenggara kemudahan di desa kami bahkan, pihak kami menerima aduan penghuni sistem ServiceDesk@Tekun dan membaiki kemudahan yang telah rosak secara terus", terang Penolong Penggawa Desasiswa Tekun, Puan Siti Hawa Mat Junoh,

Tambahnya lagi, penghuni desasiswa juga haruslah memberikan kerjasama untuk menjaga dan memastikan kemudahan tersebut digunakan dengan sebaiknya.

"Setiap kali semester baru bermula Majlis Penghuni Desasiswa Tekun, dan pejabat Desasiswa Tekun sendiri menerima aduan penghuni berkaitan masalah kemudahan desa. Hal ini kerana pihak kami faham akan keperluan penggunaan kemudahan seperti ketuhar, bilik seterika, cerek air, almari dan sebagainya. Saya selaku penghuni desa juga mahukan kemudahan desa berada pada tahap paling optimum", jelas Penguasa Blok Perempuan Desasiswa Tekun, Ummi Habibah.

Penghuni Desasiswa Tekun, Rita Amirah berkata bahawa beliau sangat gembira dengan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Desasiswa Tekun.

Kemudahan yang disediakan berada pada tahap baik dan pihak Desasiswa Tekun sentiasa melakukan penyelenggaraan secepat mungkin kemudahan yang telah disediakan jika menerima sebarang aduan.

Tambahnya lagi, penghuni desasiswa juga haruslah memberikan kerjasama untuk menjaga dan memastikan kemudahan tersebut digunakan dengan sebaiknya.

Peluang selami dunia kewartawanan

Oleh **ADI YUSRAN MOHAMAD RADZI**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA), Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein menyeru siswa-siswi yang berminat dalam dunia kewartawanan untuk menyertai program Newspaper in Campus (NIC) yang akan dianjurkan tidak lama lagi oleh Pusat Penempatan Graduan (GPC), Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), Universiti Sains Malaysia (USM).

Program NIC ini adalah salah satu Program Kebolehpasaran (Employability Program) yang ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan terbuka kepada semua siswa-siswi USM.

Menurut Adnan, tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi latihan dan persediaan kepada siswa-siswi yang berminat dengan dunia kewartawanan serta untuk memberi pendedahan awal alam pekerjaan.

"Siswa-siswi yang berminat untuk menyertai program ini perlu menghadiri beberapa siri bengkel dahulu. Setelah selesai kesemua siri bengkel, siswa-siswi tersebut akan diikitiraf sebagai wartawan NIC atau *stringer*", jelas Adnan.

"Siswa-siswi yang berjaya menamatkan siri bengkel program NIC ini juga akan diberikan sijil akuan dan dibayar berdasarkan berita yang diterbitkan dalam akhbar", tambah Adnan lagi.

Adnan yang menjadi penasihat kehormat bagi program tersebut menjelaskan bahawa program NIC ini adalah kerjasama antara USM dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Akhbar Malaysia, Dato' Chamil Wariya dan Karangkaraf.

Siswa-siswi yang berjaya menamatkan siri bengkel program NIC ini juga akan diberikan sijil akuan dan dibayar berdasarkan berita yang diterbitkan dalam akhbar

Sesak, walaupun berdisiplin, semasa daftar bahasa asing

Pendaftaran bahasa asing di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan (PPBLT) Universiti Sains Malaysia (USM) yang dijalankan serentak menyebabkan kesesakan siswa-siswi di PPBLT.

Menurut Timbalan Dekan Akademik PPBLT, Dr Thomas Chow Voon Foo, siswa-siswi yang mendaftar bahasa asing pada semester ini lebih berdisiplin berbanding semester sebelumnya.

Dua pegawai Jabatan Keselamatan (JK) juga ditugaskan untuk mengawal kesesakan tersebut.

"Siswa-siswi yang mendaftar untuk kursus bahasa asing pada semester ini meningkat dan hal ini bukan sahaja berlaku pada kursus bahasa asing tetapi mungkin juga berlaku kepada kursus yang lain. Hal ini kerana pengambilan siswa-siswi baharu pada sidang akademik ini juga meningkat", kata Dr Thomas.

Tambah beliau lagi, PPBLT akan cuba sedaya upaya untuk mengemukakan satu sistem yang baharu supaya siswa-siswi dapat mendaftar kursus bahasa asing secara atas talian dan tidak perlu beratur.

"Keadaan pada masa tersebut sangat sesak dan tidak sistematik. Walaupun terdapat dua pegawai JK yang berjaga di depan pintu pejabat, siswa-siswi masih tidak beratur dan masih bertolak antara satu sama lain. Ini sangat bahaya", kata Siow Jing En, Komunikasi 3.

Menurut Siow lagi, terdapat seorang pegawai PPBLT yang menjerit nama kursus yang boleh didaftar. Siswa-siswi yang ingin mendaftar kursus perlu berebut untuk masuk ke dalam pejabat.

Pendaftaran tersebut dibahagikan kepada beberapa sesi dan bagi setiap sesi bahasa asing, hanya 5 hingga 6 siswa-siswi yang dibenarkan masuk ke dalam pejabat untuk mendaftar.

Siswa-siswi yang berdiri di belakang mempunyai peluang kecil untuk mendapatkan kumpulan yang sesuai dengan jadual waktu mereka.

Menurut Hing Ee Ling, Pengurusan 3, beliau telah beratur hampir 2 jam untuk mendaftar.

Beliau tidak puas hati dengan sistem yang tidak sistematik tersebut.

Dia berharap agar jumlah pelajar yang hendak mendaftar tidak dihadkan agar siswa-siswi boleh memilih bahasa kesukaan sendiri.



Siswa-siswi beratur di bangunan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan untuk menunggu giliran mereka untuk mendaftar bahasa asing.

JK halang forum tiada kelulusan

Sebarang kegiatan yang dijalankan di dalam kampus oleh persatuan atau kelab perlu mendapat kebenaran dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan sebagainya.

Pengarah Jabatan Keselamatan Universiti Sains Malaysia (USM), Dr P. Sundramoorthy berkata demikian sebagai menjelaskan tindakan JK menghalang forum anjuran Serikat Mahasiswa pada 11 September yang sepatutnya berlangsung di Restoran Subaidah pada 9 malam.

Forum Hala Tuju Mahasiswa, Ke Mana Haluan Mahasiswa Malaysia, dihadiri penceramah seperti Presiden Pro-Mahasiswa USM, Ahmad Sobri, wakil Aspirasi Siswa USM, Fahmi Fadzli, wakil Serikat Mahasiswa, Jefry Musa dan wakil Ikatan Mahasiswa, Hafiz Hafifi.

"JK berperanan menjaga keselamatan semua pihak dalam USM, dan untuk mengelak berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini, JK terpaksa menghalang forum tersebut", tambah Dr P. Sundramoorthy.

Menurut penceramah, Jefrey Musa, beliau berasa siswa-siswi sebagai orang dewasa mampu menilai secara logik isu yang dibincangkan dalam sesebuah forum dan JK tidak seharusnya menghalang forum tersebut.

Setelah dihalang oleh JK, forum tersebut beralih ke Plaza Ivory yang dihadiri seramai 50 orang siswa-siswi dan berakhir pada 11.30 malam.

Aspirasi menang semua kerusi umum



Sesi bergambar kenangan bersama antara pemenang dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar bersama Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dato' Dr Adnan Hussein (enam dari kanan, baris hadapan), Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal (lapan dari kanan, baris hadapan), Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan (lima dari kanan, baris hadapan) dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat Profesor Dato' Dr. See Ching Mey (tujuh dari kanan, baris hadapan).

Oleh **DOUGLAS ELLIOT& WEI WEI LING**

Aspirasi USM telah menangi keenam-enam kerusi umum dalam proses Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) Universiti Sains Malaysia (USM) bagi sidang akademik 2015/2016 di Kampus Induk pada 17 September yang lalu.

Seramai 11 calon bertanding untuk enam kerusi umum dalam PMPP USM termasuk enam calon yang mewakili Aspirasi USM.

Calon-calon yang menang adalah Mohd Fahmi Mohd Fadzli (3,484 undi), Rasis Muhamad Rosdi (3,463 undi), Noor Syafira Zainal Abidin (3,351 undi), Najibah Ismail (3,292 undi), Wang Wee Foong (3,237 undi), dan Arivanandhan Gunaseelan (2,757 undi).

“Saya sedia merealisasikan manifesto yang telah saya janjikan kepada pengundi saya. Saya akan cuba sedaya upaya memberi perkhidmatan pertolongan yang terbaik kepada siswa-siswi USM”, kata Wang Wee Foong, Ilmu Pendidikan 3.

Tambah Wang, manifesto pertama yang akan direalisasikan dalam USM ialah menjalankan rancangan pemberian baucar makanan dan minuman percuma kepada siswa-siswi USM yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

Statistik telah menunjukkan seramai 5,778 daripada 10,151 orang siswa-siswi yang turun mengundi dalam Kampus Induk USM iaitu sebanyak 56.92%. Peratusan siswa-siswi turun mengundi menunjukkan penurunan sebanyak 0.52% berbanding 57.44% pada sidang sebelumnya.

Manakala di Kampus Kejuruteraan, peratusan siswa-siswi mengundi menurun sebanyak 0.94% daripada 91.17% kepada 90.23% pada sidang ini. Secara keseluruhannya, peratusan siswa-siswi mengundi pada 2015/2016 adalah sebanyak 62.37% dengan Pusat Pengajian Sains Farmasi mencatatkan kehadiran tertinggi iaitu sebanyak 91.08%.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein, kemungkinan cuaca berjerebu dan kuliah dijalankan seperti biasa ialah faktor peratusan mengundi yang rendah namun sisatan lanjut akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pemantauan.

“PMPP USM sidang ini berjalan lancar dan aman, daripada penamaan calon hinggalah proses kiraan undi, berlaku seperti mana yang diharapkan”, kata Adnan.

Turut hadir semasa pengumuman keputusan undi adalah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat Profesor Dato' Dr. See Ching Mey serta dekan-dekan dan wakil pusat pengajian.



Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein mengumumkan keputusan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar sidang akademik 2015/16

Peratusan siswa-siswi turun mengundi menunjukkan penurunan sebanyak 0.52% berbanding 57.44% pada sidang sebelumnya

Ikatan Mahasiswa had different approach

Ikatan Mahasiswa (IM), the newly-formed students association in Universiti Sains Malaysia (USM) chose to have their rally in a closer way with the students at the bus station at Padang Kawad during the campus election session 2015/2016.

“Instead of joining the official rally organised by the university at Dewan Pembangunan Siswa 1 (DPS 1), Kompleks Cahaya Siswa (KOMCA), we decided to have our own way of rally which allows us to interact with the students and to know their opinion. Students are free to discuss any issues with our candidates”, said one of the IM candidates, Lee Chung Lun.

Lee also highlighted that the official rally is not compulsory for all the candidates to attend, as the candidates also have their freedom to do it in their own way.

Compared with gathering all the candidates and students in a comfortable environment like DPS 1, IM decided to have an informal discussion with students.

Barathi Selvam, another candidate from IM also hoped to have two-way communication with students.

He welcomed the critical and pithy questions asked by students to make the rally more fruitful.

The IM candidates were ready to answer their questions face to face.

One of IM candidates, Nizar Nordin emphasized that they would never use the scheme introduction and slogan during their rally.

They preferred to listen to the different views from students. He said that students were given opportunity to share their doubts and problem regarding the candidates and issues happened in campus.

Students would not be judged as right or wrong while giving their opinions in the discussion.

IM rally was attended by more than 30 students.

Instead of joining the official rally organised by the university at Dewan Pembangunan Siswa 1 (DPS1), Kompleks Cahaya Siswa (KOMCA), we decided to have our own way of rally which allows us to interact with the students and to know their opinion. Students are free to discuss any issues with our candidates

NRIC cungkil bakat siswa-siswi

Novel Research & Innovation Competition (NRIC) ialah salah satu pertandingan yang dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) bertujuan untuk mencungkil bakat dan pemikiran inovasi siswa siswi.

Pertandingan yang masuk tahun kelapan penganjurannya telah mencatat penyertaan sebanyak 123 projek yang merangkumi universiti di dalam dan luar negara. Selain itu, NRIC juga telah menerima penyertaan baru dari Thailand iaitu Kasetsart University dan Naresuan University

Dua sub-program bagi NRIC ialah Community Research and Innovation Competition (CoRIC) dan Innovation Pitch Challenge (IPC).

Pertandingan CoRIC terbuka kepada pelajar ijazah pertama universiti awam dan universiti swasta. NRIC telah menerima sebanyak 17 penyertaan bagi sub-program tersebut.

IPC pula mendapat 13 penyertaan di mana pertandingan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah.

"Seramai 106 sekretariat terlibat dalam mengelola program ini di mana mereka memberikan komitmen dan saling bekerjasama agar pertandingan yang bertaraf antarabangsa ini mampu berjalan dengan jayanya", jelas pengarah projek NRIC, Chew Wei Wen.

Kategori yang ditawarkan dalam pertandingan ini antaranya ialah Kesihatan dan Sains Perubatan, Teknologi dan Kejuteraan, Sains Hayat dan Transformasi Sosial dan Seni Kreatif.

NRIC 2015 telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Profesor Dato' Dr Adnan Hussein.

Aspek kehakiman diketuai oleh Profesor Dr Abdul Latif Ahmad yang telah dilantik menjadi ketua hakim selama tiga tahun pertandingan ini diadakan.

Seramai 106 ahli sekretariat terlibat dalam mengelola program ini di mana mereka memberikan komitmen dan saling bekerjasama agar pertandingan yang bertaraf antarabangsa ini mampu berjalan dengan jayanya

MPP USM 2014/2015 perjuang kebajikan, kemudahan siswa-siswi

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sidang akademik 2014/2015 telah sedaya upaya menjaga kebajikan dan kemudahan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Yang Dipertua MPP, Mohamad Shafiq Kamaruddin, setiap pencapaian MPP sidang 2014/2015 adalah faktor usaha secara berpasukan bukan disebabkan oleh usaha individu.

"Sewaktu Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan, MPP telah berjumpa Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman dan Jabatan Bendahari USM agar tidak ada mana-mana perkhidmatan siswa-siswi dinaikkan harga dalam kawasan kampus", katanya kepada Berita Kampus.

Tambahnya lagi, MPP juga sedaya upaya memastikan peniaga kafeteria desasiswa tidak menaikkan harga makanan.

"MPP juga berjaya meletakkan USM lebih tinggi daripada yang lain di Malaysia berdasarkan intipati garis panduan yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu siswa-siswi yang berdaya saing, holistik, dan seimbang," katanya lagi.

Menurut Shafiq, KPT telah mewujudkan satu ungkapan yang dipanggil Souring Upwards rangkuman dalam garis panduan KPT bermaksud bersama-sama dalam melahirkan siswa-siswi universiti maju dalam segenap bidang.

Tegas Shafiq, USM berjaya mewujudkan hubungan rakan siswa dari luar negara. Ini boleh dilihat kepada pencapaian Exco Kerohanian dan Pembangunan Sahsiah 2014/2015, Mohd Fahmi bin Mohd Fadzli yang menjayakan misi sukarelawan siswa Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) ke Vietnam pada 18 Julai hingga 18 Ogos 2015.

Memperbaiki kelemahan MPP perlu dilakukan segera oleh mereka yang bakal memimpin suatu hari nanti, katanya kepada Berita Kampus.

"MPP perlulah bekerja lebih kuat dan bukanlah untuk mana-mana individu, tetapi bekerja untuk mahasiswa yang mengundi kita dalam melakukan perubahan secara bersama," kata Shafiq.

Tegas Shafiq, MPP perlulah sentiasa berfikiran positif dan jangan takut dalam melakukan perubahan walaupun usaha yang pertama tidak berjaya, maka cubalah lagi supaya perubahan untuk siswa-siswi tercapai.

"Perubahan adalah untuk mengukuhkan peranan MPP di Kampus Kejuruteraan dan Kesihatan walaupun kita semua sedia maklum kita mempunyai wakil MPP di setiap kampus tetapi kita perlulah ingat Kampus Induk mudah berurusan dengan pengurusan universiti dan jadikanlah Kampus Kesihatan dan Kejuruteraan satu identiti USM juga", ujarnya lagi.

MPP akan datang perlulah memperbanyakkan aktiviti dengan golongan siswazah supaya mereka yang menyambung pengajian di USM tidak dianggap sebagai 'menumpang', jelasnya lagi.

"MPP tidak meminggirkan mereka walaupun kurang menjalankan aktiviti malah membantu menyelesaikan masalah MyBrain selain, MPP banyak menjalin dengan persatuan mahasiswa Malaysia malah turut bekerjasama dengan persatuan pelajar dari Laos dan Indonesia supaya mereka tidak terasing", ulasnya lagi.

Perubahan adalah untuk mengukuhkan peranan MPP di Kampus Kejuruteraan dan Kesihatan walaupun kita semua sedia maklum kita mempunyai wakil MPP di setiap kampus

DBM perkenal takrif baru umur belia



Pegawai Belia dan Sukan Daerah Barat Daya,Yan Mohd Alif membentangkan Dasar Belia Malaysia kepada hadirin yang hadir di Dewan Kuliah A pada 12 September lalu.

Matlamat kami untuk menyerlahkan potensi setiap belia dengan meraikan kepelbagaian dan mereka

Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan dialog TOWNHALL Dasar Belia Malaysia (DBM) untuk memperkenalkan takrifan umur belia yang terbaru iaitu 15 hingga 30 tahun pada 12 September yang lalu

Dialog DBM yang berlangsung di Dewan Kuliah A, Universiti Sains Malaysia (USM), turut dihadiri Pengarah JBS Negeri Pulau Pinang, Haji Fadzil Yahya dan Presiden Majlis Belia Negeri (MBN) Pulau Pinang, Lim Swee Bok.

Lim berkata, belia perlu menitikberatkan Dasar Belia yang menjadi asas kepada kepimpinan negara.

"DBM penting kepada negara kerana melalui melaluinya, Malaysia dapat maju ke hadapan", katanya.

Menurut Pegawai Belia dan Sukan Daerah Barat Daya, Yan Mohd Alif, rasional pemilihan umur yang baru supaya lebih banyak peluang kepada belia untuk memimpin sesebuah pertubuhan dan memegang jawatan.

"Matlamat kami untuk menyerlahkan potensi setiap belia dengan meraikan kepelbagaian dan mereka", tambahnya lagi.

Seorang siswa Institut Kemahiran Tinggi Perda Tech berkata, Fakrul Nizam, ramai belia yang elak menyertai persatuan kerana tidak tahu hala tuju persatuan tersebut.

"Melalui penerangan mengenai DBM, saya rasa belia perlu ambil serta dalam pertubuhan belia kerana membantu melatih kepimpinan dan dorongan kepada anak muda", katanya lagi.

Teksi pelajar jadi pilihan walaupun salah

Perkhidmatan teksi pelajar ialah perkhidmatan alternatif untuk siswa-siswi selain menggunakan perkhidmatan teksi awam.

Kadar tambang teksi pelajar yang jauh lebih murah dan berpatutan menyebabkan perkhidmatan tersebut mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan siswa-siswi walaupun ia salah dari segi undang-undang.

Menurut seorang siswi yang mengusahakan perkhidmatan teksi pelajar, Ummi Habibah, 21, perkhidmatan teksi pelajar yang diusahakannya masih mengekalkan tambang pada kadar yang sama kerana tambang yang terlalu tinggi akan membebankan siswa-siswi.

"Tambang yang saya kenakan adalah bersesuaian dengan kemampuan pelajar. Bagi saya kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang saya sediakan adalah penting dan saya tidak mahu membebankan siswa yang menggunakan perkhidmatan saya sebagai satu kemudahan untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat", jelasnya.

Menurut seorang pengguna perkhidmatan teksi pelajar, Eyma Awierah Ezin, Sains Kemasyarakatan 3, perkhidmatan teksi pelajar sememangnya merupakan satu perkhidmatan yang cukup ideal bagi seorang siswi sepertinya kerana kadar tambang yang berpatutan selain lebih mudah untuk diakses.

"Saya menggunakan perkhidmatan teksi pelajar hampir setiap minggu untuk pergi ke sesuatu tempat. Perkhidmatan ini murah dan berada pada tahap yang amat baik dan cukup menyakinkan", katanya.

Namun begitu, kadar tambang yang murah dan dan bebas daripada sebarang caj tambahan bukanlah alasan yang seharusnya digunakan oleh pelajar untuk menggunakan perkhidmatan teksi pelajar.

Hal ini demikian kerana, penguasaha perkhidmatan teksi pelajar tanpa permit adalah salah di sisi undang-undang dan mungkin boleh membawa kepada penggantungan lesen memandu.

Kadar tambang teksi pelajar yang jauh lebih murah dan berpatutan menyebabkan perkhidmatan tersebut mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan siswa-siswi walaupun ia salah dari segi undang-undang.

Jerebu bahayakan kesihatan

Oleh **JASY BONG YI JAN**

Jerebu di Kampus Induk Universiti Sains Malaysia (USM) pada minggu lepas telah memberi kesan terhadap warga USM.

Menurut Penggawa Desasiswa Indah Kembara (IK), Mohd Zain Dollah, pencegahan yang dilakukan di Desasiswa IK selari dengan keputusan dan arahan dari Pusat Sejahtera USM dan Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu tidak menggalakkan siswa-siswi untuk melakukan aktiviti luar seperti bersukan dan beriadah kerana keadaan udara yang sangat tercemar.

"Sebagai penggawa, saya menasihatkan semua siswa-siswi yang bukan hanya penghuni Desasiswa IK tetapi juga penghuni di desasiswa yang lain supaya minum air dengan mencukupi dan mengambil pil penjagaan kesihatan yang relevan seperti Vitamin C untuk menjaga imuniti badan daripada terkena penyakit kesan daripada jerebu", kata Mohd Zain.

Beliau juga menasihatkan siswa-siswi agar memakai penutup muka untuk pergi ke kuliah atau mempunyai urusan yang penting. Beliau khuatir masalah ini akan berpanjangan dan akan menjejaskan bukan sahaja kesihatan warga USM tetapi juga akan menjejaskan segala aktiviti luar asrama yang telah dirancangkan, khususnya aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi.

"Fenomena jerebu ini membahayakan kesihatan terutamanya untuk siswa-siswa USM kerana kami perlu ulang-alik dari desasiswa ke dewan kuliah untuk menghadiri kuliah", kata Sri Nur Hadirah Hussin, Ilmu Kemanusiaan 1.

Tambah Hadirah, beliau berharap USM dapat melakukan tindakan yang sewajarnya seperti memberi penutup muka yang percuma kepada siswa-siswi. Selain itu, mengehadkan waktu kuliah seperti merapatkan waktu kuliah supaya tidak perlu ulang alik dari desasiswa ke bilik kuliah.

Fenomena jerebu ini membahayakan kesihatan terutamanya untuk siswa-siswa USM kerana kami perlu ulang-alik dari desasiswa ke dewan kuliah untuk menghadiri kuliah

Avoid plagiarism

Vice-Chancellor Universiti Sains Malaysia (USM), Professor Dato' Dr. Omar Osman urged the postgraduate students so that they don't involve in plagiarism and be socialised during Welcoming Ceremony for new 2015 USM postgraduate students at Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) on 14th September 2015.

"If you engage with your supervisor consistently and do your work honesty, I think success is just a step to it. Enjoy your life here and get to know the campuses besides just stay in library or laboratory", he said.

According to Omar, there are around 1500 new postgraduate students. Thousand of them registered in the Main Campus, nearly 300 students registered at Health Campus, over 100 students from Engineering Campus with others are from Kuala Lumpur and also under workshop program in other countries, notably Indonesia. Some postgraduate students come from China, Iraq, Nigeria, Egypt, Mauritis and Indonesia.



EXCITED . . . The many faces of the new postgraduate students reciting their pledge of loyalty to USM at Dewan Tuanku Syed Putra.

"We have provided the facilities and mechanisms for you to achieve your aspiration. We hope that you will not only become your own leader in your field but also take time to develop your full potential so that you will be able to compete among the best of the global", he added on.

He also believed that postgraduate students can play a role as mini ambassadors to carry the university's good name and contribute to their own countries.

"Funding and financial support such as USM Fellowship, Postgraduate Research Fund, Vice-Chancellor Award and others are provided to postgraduate students. However, it is opened to the students that meet the necessary high criteria that we have set", he continued.

"In future, we hope to offer more graduate programs especially across the boundaries and USM is moving towards a global campus in its own sustainable way", he stated further.

Perkhidmatan bas komuter terus diperbaiki

Perkhidmatan bas komuter telah diperbaharui bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kepada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM). Ini sejajar dengan maklum balas yang diterima oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) daripada siswa-siswi berkenaan dengan perkhidmatan bas komuter.

Menurut Mantan Naib Yang Dipertua 2 MPP, Goo Chuan Chiew, melalui perbincangan pihak MPP dengan Syarikat Bas Unic, waktu operasi bas telah kembali ke 7.30 pagi disebabkan oleh statistik yang telah dikutip oleh Unic. Statistik telah menunjukkan kekurangan siswa-siswi yang menaiki bas pada 7.15 pagi. Oleh itu, bas beroperasi semula seperti yang ditetapkan pada 7.30 pagi sehingga 11.45 malam.

"MPP telah menghantar jadual perjalanan bas dan jadual rehat bas yang dicadangkan kepada Unic untuk perbandingan dan perbincangan yang lebih efektif. Maka, jadual rehat telah dipersetujui oleh Unic. MPP meminta Unic supaya mengeluarkan jadual masa bas ketika mengisi minyak agar siswa-siswi boleh membuat perancangan awal dengan jadual yang telah ditetapkan oleh pihak Unic", tambah beliau.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA) telah bersetuju untuk membuat tempat khas atau (check point) di kawasan Padang Kawad untuk setiap laluan bas supaya perjalanan bas lebih mudah dan efisien.

Berkenaan dengan bas ketika solat Jumaat, Unic masih dalam proses pencarian pekerja bukan beragama Islam.

BHEPA telah bersetuju untuk membuat papan kenyataan di perhentian bas yang sesuai untuk memaparkan setiap jadual waktu perjalanan bas supaya siswa-siswi peka dengan setiap laluan bas dalam kampus.

Bakti Permai desasiswa pasca siswazah

Desasiswa Bakti Permai Universiti Sains Malaysia (USM) akan dihuni sepenuhnya oleh siswa-siswi pasca siswazah bermula sidang 2016/2017. Pada masa ini, hanya 106 sarjana muda di Bakti Permai.

Menurut penggawa Desasiswa Bakti Permai, Mohd Shafie Ariffin, mulai sidang 2013/2014, Bakti Permai tidak lagi menerima penghuni sarjana muda baharu. Bakti Permai akan menjadi tempat penginapan untuk siswa-siswi pasca siswazah sahaja.

Rancangan perpindahan penginapan siswa-siswi pasca siswazah ke Bakti Permai dari desasiswa-desasiswa yang lain.

Tambah Shafie lagi, USM adalah salah satu Universiti Penyelidikan di Malaysia. Maka, USM perlu menerima sekurang-kurangnya 40% siswa-siswi pasca siswazah sebagai prasyarat.

Rancangan tersebut tidak akan mengurangkan penginapan untuk siswa-siswi, kerana hanya berlaku perpindahan penginapan antara siswa-siswi dengan siswa-siswi pasca siswazah.

“Pada asalnya, penginapan pasca siswazah telah dipisahkan ke semua desasiswa dalam kampus USM. Kebanyakan mereka diberikan penginapan di Desasiswa Restu, Saujana dan Tekun yang jauh dari makmal penyelidikan mereka. Rancangan tersebut bertujuan mendekatkan jarak antara desasiswa dengan makmal penyelidikan dalam kampus”, kata Shafie.

“Rancangan perpindahan ini disambut baik siswa-siswi pasca siswazah terutamanya mereka yang menjalankan penyelidikan dalam bidang sains tulen.”, kata siswa sarjana sains fizik, Ng Kian Loong.

Siswa-siswi perlu peka isu keselamatan

Oleh **NUR KHAIRINA KAMAL**

Isu keselamatan sering dititikberatkan dalam sekitar kawasan kampus bagi memastikan siswa-siswi berada dalam keadaan yang selamat. Jabatan Keselamatan (JK) Universiti Sains Malaysia (USM) bertanggungjawab ke atas isu tersebut.

Baru-baru ini telah dilaporkan mengenai kes seorang individu lelaki yang tidak dikenali memasuki Desasiswa Bakti Permai untuk mencari seorang siswi yang tinggal di desasiswa berkenaan.

Malahan, siswi tersebut langsung tidak mengenali individu berkenaan. Hal ini menimbulkan ketakutan kepada siswi yang berada di tempat kejadian.

Menurut Penggawa Desasiswa Bakti Permai, En. Shafie Arifin, beliau menasihati siswi supaya peka dengan keadaan sekeliling agar tiada individu yang tidak dikenali mudah memasuki kawasan desasiswa.

“Setiap desasiswa akan melakukan rondaan dalam memastikan keselamatan penghuninya terjamin. Oleh itu, para penghuni tidak perlu khuatir jika berlaku sebarang kecemasan dan boleh melaporkan kepada felo yang bertugas dengan segera”, katanya lagi.

“Walau bagaimanapun, siswa-siswi tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak kerana perkara tesebut berada di luar jangkaan mana-mana pihak dan tidak perlu berasa takut akan perkara yang berlaku. Jika perkara sebegini berulang, siswa-siswi perlu segera melaporkan kepada JK supaya tindakan segera boleh diambil terhadap individu yang berkenaan”, nasihat Shafie lagi.

Shafie juga menasihati siswa-siswi untuk menyimpan nombor telefon JK supaya dapat dihubungi apabila berlaku sebarang kecemasan dan tindakan segera akan diambil sebaik sahaja menerima aduan.

Selain itu, siswa-siswi dinasihatkan supaya tidak mudah mempercayai mana-mana individu yang dilihat mencurigakan memasuki kawasan desasiswa.

Ceramah berikan panduan berguna

Ceramah Motivasi Siswa Apex yang julung-julung kalinya diadakan di Masjid Al-Malik Khalid pada 11 September telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Ceramah yang dianjurkan oleh Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (PIUSM) dengan kerjasama bersama Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) dan Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) bermatlamat membantu siswa-siswi untuk menjadikan mereka lebih berdaya saing.

Menurut Yang Dipertua PMI, Hazwan Azizan, tujuan lain ceramah motivasi ini diadakan adalah untuk memberikan panduan yang berguna khususnya kepada siswa-siswi tahun pertama untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kehidupan di universiti.

“Majlis ilmu ini antara lain adalah untuk membantu siswa-siswi terutamanya siswa-siswi baru agar tidak mengalami kejutan dengan kehidupan di universiti yang mencabar”, katanya.

Kehadiran pakar motivasi, Dr. Shukri Abdullah yang juga bekas Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM dilihat menjadi faktor penarik kepada siswa-siswi USM.

“Cara penyampaian beliau yang tenang dan santai menjadi salah satu faktor yang membawa saya ke sini. Tempat yang disediakan juga bagus iaitu di masjid, kerana ianya lebih efektif untuk rohani kita agar terdorong untuk berubah”, ujar Muhammad Ashraf Kamarul Zaman, Sains Farmasi 2.

Mohd Alief Shafieq, Sains Fizik 3 turut berpendapat bahawa ceramah motivasi seperti ini wajar diteruskan pada masa akan datang.

“Program yang bagus seperti ini wajar diteruskan pada masa akan datang. Masa yang dipilih iaitu ketika sidang akademik baharu bermula juga dilihat sesuai dan memudahkan siswa-siswi untuk merancang serta melakukan persiapan dengan lebih baik. Mungkin kita boleh promosikan kepada orang luar kerana program ini wajar dikongsi”, cadangnya.

Menariknya, ceramah motivasi ini juga berjaya menarik perhatian siswa-siswi bukan Islam untuk turut serta bersama-sama di dalam masjid untuk memperoleh input yang berguna.

Ketika ditemui, Eric Lau Wai Kit, Bahasa, Literasi dan Terjemahan 1 menganggap bahawa setiap agama menggalakkan penganutnya untuk mencari ilmu sekalipun dari agama yang berlainan.

“Ketika melihat poster mengenai ceramah motivasi ini, saya sememangnya tertarik untuk menghadirikan diri. Saya mempunyai ramai kawan yang merupakan penganut agama Islam dan daripada penjelasan mereka, agama Islam tidak melarang penganut agama lain untuk masuk ke dalam masjid. Namun, ramai daripada mereka yang bukan beragama Islam masih ragu-ragu. Jadi, saya berharap supaya tempat yang dipilih boleh diubah pada masa akan datang untuk memudahkan mereka yang bukan Islam untuk turut serta”, katanya.

Yang Dipertua PMI ketika diminta untuk mengulas mengenai perkara tersebut berkata siswa-siswi yang beragama Islam khususnya perlu memperbetulkan pandangan tentang Islam.



Dr. Shukri Abdullah….mempunyai aura tersendiri

“Tidak salah sekiranya mereka yang bukan Islam ingin masuk ke dalam masjid. Mereka perlu menjaga adab seperti berpakaian yang menutup aurat. Program sebegini akan diteruskan lagi pada masa akan datang. Kami akan mengadakan dialog untuk membolehkan mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai agama berbincang tentang Islam dan agama lain. Dialog tersebut akan diadakan di tempat yang terbuka bagi memudahkan akses kepada mereka yang bukan beragama Islam”, ujarnya.

Turut hadir sama pada program tersebut ialah Pengarah Pusat Islam USM, Dato Prof Muhammad Idiris Saleh, Timbalan Pengarah Pusat Islam USM, Ustaz Md Yusof Abdul Rahim dan pegawai BHEPA USM Ustaz Iswandi.

Kes kecurian di USM

Selepas beberapa hari semester pertama sidang akademik 2015/2016 Universiti Sains Malaysia (USM) bermula, kes kecurian yang melibatkan siswi berlaku di sekitar USM.

Menurut mangsa, Nor Shahidah Jaafar, motosikal diletakkan di parkir yang telah disediakan berhampiran DK Foyer kerana kuliahnya bertempat di Dewan Kuliah O.

Sejurus kuliah berakhir, dia mendapati topi keledarnya sudah hilang, walhal topi keledar sudah diletakkan di bawah kusyen motosikal.

“Setiap kali siswa-siswi baru masuk ke USM, bas akan sentiasa penuh dan peluang untuk menaiki bas amat tipis. Oleh itu, siswa siswi akan lewat untuk ke kelas. Saya membawa kenderaan pada semester ini bagi mengelakkan kesesakan ke kelas namun ia menyusahkan saya kerana kecurian tersebut”, jelas Shahidah.

Selain itu, rakan Shahidah turut kehilangan hampir 95% kelengkapan uniform Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) yang disimpan di dalam stor simpanan barang.

“Saya berharap, siswa dan siswi sentiasa peka dan tidak terlalu berada dalam zon selesa walaupun di dalam kampus”, katanya lagi.

Menurut mangsa, Nor Shahidah Jaafar, motosikal diletakkan di parkir yang telah disediakan berhampiran DK Foyer kerana kelasnya bertempat di Dewan Kuliah O.

More than just a cafe

By **FAN WEI SIN JOYCE**

With more than 10 cafeterias and cafés scattered around the campus, finding a place to eat in Universiti Sains Malaysia (USM) has never been easier and that's not even counting the eating places located outside the university. Perhaps with the overwhelming number of eateries, the real question at the moment would be where instead of what to eat.

Local delights such as nasi lemak, mee goreng or roti canai may be offered at most cafeterias in USM but not many cater for the more Westernised taste buds. Fortunately, one does not need to go as far as Georgetown to seek a good cup of coffee or a delicious plate of pasta as it is all offered right here in USM at Chico's, Anjung Budi.

First opened in 2011, Chico's started out as a small, humble café tucked away uphill close to the School of Language, Literacies and Translation. Keeping its interior simple with just a small open kitchen placed at the corner of the café and a few table and chairs, it has now established itself as a local favourite among the USM students, staffs and even outsiders.

Despite its current blooming business, it was not all bed and roses for owner, Mohd Shaharudin who struggled for the first five months when Chico's began operation.

"It was hell but being in the hospitality industry for almost 20 years, the one thing it has taught me when it comes to business and dealing with customers is that patience is virtue," said the chef who left his last hospitality job at Swiss Hotel, Sydney five years ago.

True enough, business started picking up soon after and the café has since been packed with customers almost every day. Offering a wide variety of sandwiches and pastas, the crowd favourites include the Cabonara pasta (RM9.50)- spaghetti served in creamy Cabonara sauce with slices of chicken ham and Smokin' Spicy Duck pasta (RM12)- lightly fried pasta served with chili flakes and juicy duck meat slices .

Good food aside, Shaharudin also takes pride in his coffee. Passionate about changing the public's mentality of coffee making, he is persistent on making his coffee from scratch using a coffee machine, a skill he picked up from his past working experience in hotel management.

"Most cafeterias here are killing the culture of coffee making and also the quality of the coffee by serving instant, pre-mixed coffee. Here at Chico's, we want to offer the customers the real deal- carefully crafted coffee made out of freshly grounded coffee beans, " he said.

It is no wonder that Chico's reasonably priced and quality food and coffee have kept its loyal customers coming back for more. However, Shaharudin claimed that these are not the reasons that contributed to its success.

"Yes, it's true that good food keeps the customers' tummies satisfied but the key to winning over the customer's heart is interaction," he explained.

Being a loyal customer myself, the friendly owner would never fail to greet me with a warm smile every time I stepped into the café. Very often I would find him striking up a friendly conversation with the patrons there. One cannot help but feel like they are visiting a good friend whenever they are at Chico's.

If the appetising food and friendly service is not enough to convince you to give this café a shot, it's recent renovation, new menu, upgrade in furniture which had received a lot of positive feedbacks from patrons should change your mind.

Half boiled eggs with bread and a selection of toasts are now available for the café's breakfast menu which goes on until 10am. As for lunch, one should not give the afternoon snacks and grilled section a miss. Their grilled chicken with cream sauce served with a generous side of crispy fries and fresh vegetables is a winner and will leave you wanting more.

With so many wonderful things going on for Chico's, it is safe to say that the café is here to stay in USM for many years to come.





ABOVE Chico's grilled chicken with cream sauce is a must try
LEFT The owner of Chico's, Mohd Shaharudin putting his coffee making skills to good use.

Most cafeterias here are killing the culture of coffee making and also the quality of the coffee by serving instant, pre-mixed coffee. Here at Chico's, we want to offer the customers the real deal- carefully crafted coffee made out of freshly grounded coffee beans.

Burger gergasi ala *angry bird*

Oleh **NURUL FAZERA ABDUL AZIZ**

Bagi yang ingin mencuba keunikan burger gergasi yang semakin popular, Bangpon Cafe & Bistro menjadi salah satu pilihan kepada masyarakat pelbagai kaum untuk menikmati makanan ala barat ini.

Bangpon Cafe & Bistro yang baru beroperasi baru tiga tahun menjanjikan pelbagai menu yang mempunyai nama yang unik dan membuat pelanggan berasa geli hati.

Gerai yang mempunyai konsep santai terletak di utara tanah air iaitu di bahu Jalan Raja Syed Saffi di Bintong, Kangar, Perlis.

Walaupun hanyalah gerai di tepi jalan dan tidak mempunyai hiasan yang menarik, Bangpon Cafe & Bistro berjaya memancing selera orang ramai untuk mencuba burger yang nyata mempunyai keunikan yang tersendiri.

Pemilik gerai Bangpon Cafe & Bistro, Saifol Hanizan Abd Hamid, 46, memberitahu gerainya diberi nama Bangpon sempena nama gelaran yang sering dipanggil dalam kalangan keluarga dan sahabat handai.

"Selain daripada burger, kami juga memperkenalkan makanan lain iaitu nasi goreng ala barat untuk memenuhi kehendak segelintir pelanggan yang tidak gemarkan burger kerana khuatir dengan kandungan kolesterol yang tinggi," kata Saifol.

Menu yang disajikan di Bangpon Cafe & Bistro terdiri daripada 40 kombinasi burger ayam, daging, ikan dan kambing yang diambil daripada pembekal di sekitar Perlis.

Menu-menu yang disediakan adalah hasil ciptaan pemilik gerai bersama isterinya Hatini Othman 42, yang mempunyai pengalaman hampir 20 tahun dalam bidang perniagaan burger secara kecil-kecilan.

Ramuan yang terkandung dalam proses membuat roti dan daging menggunakan resepi rahsia yang dipelajari melalui media sosial dan pengalaman yang diberitahu oleh rakan-rakan dan telah diolah menjadi daging burger yang sangat enak.

Burger yang berjaya mencuri tumpuan dan paling popular dalam kalangan pelanggan adalah burger gergasi yang hampir menyerupai saiz tayar motosikal.

Burger gergasi yang diberi nama Bergedik adalah hasil ciptaannya yang paling laris setakat ini.

Burger yang kelihatan seperti karektor kartun Angry Bird ini boleh dinikmati antara enam hingga sepuluh orang.

Harga yang ditawarkan pula di antara RM60 hingga RM100 mengikut saiz burger tersebut.

Selain Bergedik, terdapat juga menu lain yang menjadi tarikan pengunjung yang datang seperti burger Madu Tiga yang mempunyai tiga keping lapisan daging yang sangat lembut.

Chicken Chicaro juga menjadi pilihan pengunjung. Burger ini mempunyai kepingan daging dan serunding yang ditabur di atas roti.

Burgergaq yang mengandungi lapisan kepingan daging ayam goreng, telur, kepingan kentang goreng dan sosej yang bersaiz sederhana besar yang dilimpahi dengan sos dan mayonis yang lazat.

Tidak lengkap kiranya apabila tidak mencuba air yang istimewa apabila mengunjungi Bangpon Cafe & Bistro iaitu air Doraemon. Air yang berwarna biru mampu memberi kesegaran pada tekak dengan perisa lemon yang mempunyai gabungan rasa masam-masam manis.

Bangpon Cafe & Bistro yang semakin dikenali melalui Facebook dan Instagram telah dipaparkan dalam program Jalan-jalan Cari Makan (JJCM) TV3 sebagai destinasi pilihan. Waktu operasi Bangpon Cafe & Bistro pada 6 petang hingga 3 pagi.

Menurut Saifol, pelanggan yang hendak menikmati burger gergasi ini digalakkan untuk membuat tempahan terlebih dahulu di +60125800700 jika datang secara berkumpulan.

Oleh **RUZIATUN AMIRAH ISMAIL**

Siswa-siswi USM kejar ibrah di Acheh

Di atas usaha sama Majlis Penghuni Desasiswa Jaya (MPDJ), Majlis Penghuni Desasiswa Fajar Harapan (MPDFH) dan Majlis Desasiswa Restu (MPDR) yang bernaung di bawah Sekretariat Lestari Alam Nusantara (SALINDRA) berangkat ke Acheh selama 4 hari mulai 10 sehingga 13 September 2015.

Seramai 40 siswa-siswi dan 7 pegawai pengiring yang terlibat dalam program ini. Pelbagai ikhtibar dan pengajaran yang dapat kami pelajari dari bumi Aceh bertemakan "Mengejar Ibrah di Bumi Aceh".

Program itu diketuai oleh Profesor Madya Dr Mohamad Hekarl Uzir dari Kampus Kejuruteraan dan Mohamad Iddin Ikram Mohd Aminuddin selaku pengarah projek untuk program ini.

Lawatan itu bukan hanya lawatan akademik, tetapi juga lawatan yang memenuhi keperluan penduduk dan mendalami kejadian yang tragis yang menimpa penduduk Acheh pada 26 Disember 2004.

Hal ini terbukti apabila beberapa program telah diselitkan seperti Penanda Aras dan Lawatan Balas bersama empat penjuru universiti, Khidmat Komuniti di Pesantren Dar Maryam dan Transformasi Budaya bersama Wali Kota, Acheh Indonesia.

Program Penanda Aras bersama empat buah universiti merupakan program utama lawatan ini. Program ini melibatkan Universiti Sains Malaysia, Universiti Syiah Kuala, Universiti Islam Negeri Arhraniry dan Universiti Ubudiyah Indonesia. Sudah menjadi adat lawatan ke universiti apabila melakukan persidangan .

Menurut pengarah projek, lawatan ke universiti ini juga adalah untuk membalas jasa universiti yang terlibat kerana telah membantu mangsa yang terlibat kemalangan di Acheh tempoh hari.

Pelajar itu merupakan pelajar tahun akhir kejuruteraan sumber mineral, Muhamad Izzamir Nabihan A Majid, 23 dan disahkan meninggal dunia di Pusat Kesihatan Masyarakat Geumpang, Acheh.

Program ini turut bekerjasama dengan Persatuan Kebangsaan Pelajar Indonesia Malaysia (PKPMI) di bawah kelolaan Uztaz Amir Ahmad Pohat selaku Yang DiPertua (YDP) PKPMI.

"Lawatan ini adalah satu program yang amat bagus kerana melibatkan seluruh komuniti masyarakat yang memang memerlukan khidmat sedemikian. Bukan itu sahaja, Wali Kota Acheh, Indonesia turut berbangga dengan siswa-siswi USM pada malam Transformasi Budaya kerana berjaya menghiburkan penonton yang hadir pada malam itu. Saya juga berharap agar rombongan ini diteruskan lagi demi melahirkan seorang pemimpin yang berkaliber", jelas Uztaz Amir.



Antara peserta Program Penanda Aras di Acheh, Indonesia

Tambah Uztaz Amir lagi, ia adalah satu platform untuk pertukaran budaya antara Malaysia dan Indonesia melalui pelajar yang menjadi ikon untuk negara mereka sendiri.

Bukan itu sahaja, program ini turut diadakan untuk membantu golongan di Pesantren Dar Maryam yang diketuai oleh Uztaz Khalil. Program yang telah dilakukan merupakan program Kesukarelawan dan Pengalakkan Ilmu. Bukan itu sahaja, pelajar USM juga telah menyumbangkan lampu solar LED dan telah mengecat sebuah pondok disana, jelas Iddin Ikram.

Di samping itu juga, program ini dapat meningkatkan tahap keyakinan terutamanya dalam program Tranformasi Budaya kerana pelajar USM telah menerima respon yang positif daripada Wali Kota Banda Acheh, Indonesia. Siswa-siswa USM turut membawa budaya Malaysia sehingga ke Indonesia dengan berkongsi persembahan Dikir Barat.

Turut bersama mereka semasa lawatan adalah yang merupakan Penggawa Desasiswa Jaya merangkap penasihat program, Profesor Madya Dr Mohamad Hekarl Uzir, Penggawa Desasiswa Restu, Profesor Madya Dr Rahimah Hj A. Hamid dan Penggawa Desasiswa Fajar Harapan, Dr Nik Haslinda Nik Hussain.



Penggawa Desasiswa Jaya merangkap penasihat program, Dr Mohamad Hekarl Uzir (kiri) menyerahkan cenderahati kepada Wali Kota Acheh, Indonesia.

Bukan itu sahaja, program ini turut diadakan untuk membantu golongan di Pesantren Dar Maryam yang diketuai oleh Uztaz Khalil. Program yang telah dilakukan merupakan program Kesukarelawan dan Pengalakkan Ilmu. Bukan itu sahaja, pelajar USM juga telah menyumbangkan lampu solar LED dan telah mengecat sebuah pondok di sana.

Siswa-siswi USM sukar berjimat dan menabung

Bergantung hanya kepada pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan wang saku yang diberi ibu bapa sebagai sumber utama menyebabkan siswa-siswi USM masih tidak mampu menabung.

"Saya berasal dari Kelantan dan setiap awal semester banyak perbelanjaan digunakan untuk pulang ke sini dan membeli barang keperluan. Pinjaman PTPTN saya khaskan untuk perbelanjaan satu semester di USM dan membayar yuran.

Kadang kala itupun tidak cukup kerana harga barangan semakin mahal memaksa saya meminta sedikit wang saku daripada ibu bapa untuk menampung keperluan lain. Semester ini saya bercadang untuk bekerja secara sambilan di kafe Tekun supaya saya tidak menyusahkan ibu bapa saya untuk memberi wang dan boleh menabung untuk masa hadapan", jelas Nur Hidayahtul Amirah, Komunikasi 4.

Hal ini turut diakui oleh siswa-siswi USM yang lain. Mereka sudah cuba berjimat dan menabung tetapi hanya sebentar. Duit tabungan digunakan kembali untuk menampung perbelanjaan tertentu.

"Saya cuba menabung tetapi tidak sampai dua minggu saya keluarkan duit tabungan saya. Banyak duit saya habis pada makanan dan minuman. Duit tabung itu pula saya gunakan untuk membuat salinan nota kuliah, hujung semester tiada baki wang di tangan saya apatah lagi duit tabungan", jelas Halimatus Saadiah, Sains Kemasyarakatan 3.

Merungkai makna di sebalik keris

Adakah anda mengetahui makna di sebalik keris? Keris adalah khazanah budaya Melayu yang sangat unik dan berseni. Ia adalah lambang keberanian dan kebudayaan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Kehebatan keris ini dapat dikenali melalui keris Taming Sari yang pernah digunakan pada zaman dahulu oleh Hang Tuah. Senjata ini bukan hanya berfungsi sebagai alat mempertahankan diri bagi masyarakat Melayu dahulu, tetapi ianya sarat dengan seribu satu metafora yang membawa pelbagai maksud tersendiri. Warisan budaya yang unggul ini turut menceritakan pensejarahan umat Melayu menerusi simbol-simbol yang terdapat padanya. Malah, simbol-simbol yang terdapat padanya mempunyai nilai yang lebih tinggi khususnya untuk kaum melayu melihat kembali asal-usul kepercayaannya. Keris juga dikaitkan dengan unsur mistik dan kesaktian yang luar biasa di mana ianya boleh membunuh si musuh, cukup dengan hanya menikam bekas tapak kakinya.

Keris hanya boleh didapati di kawasan rumpunan Austronesia yang meliputi Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei, Thailand, dan Filipina. Tiada bukti-bukti empirikal yang menunjukkan tarikh kemunculan warisan budaya Melayu ini yang benar-benar boleh dijadikan sandaran untuk menerangkan asal-usulnya. Pelbagai perdebatan di antara pemikir-pemikir barat seperti Griffith William, G. B. Gardner dan G. C. Wooley yang datang dengan pelbagai andaian yang berbeza.

Menurut A. H. Hill dan G. B. Gardner dalam buku "The Keris and other Malay Weapon" terbitan tahun 1936 berpendapat bahawa keris adalah berasal dari Majapahit. Pada mulanya, keris diperbuat daripada sengat ikan pari yang dibungkus pangkalnya sebagai tempat pemegang. Namun, Griffith William pada 1977 pula menyatakan bahawa keris yang dicipta pada abad ke-14 merupakan dari mata lembing yang diubah suai kegunaannya. Manakala, C. B. Wooley pada 1974 tidak bersetuju dengan pendapat Gardner dan Griffith dan berpendapat bahawa keris tidak hanya digunakan oleh mereka yang tinggal di pinggir pantai sahaja tetapi turut digunakan oleh mereka yang tinggal di kawasan pedalaman yang sukar untuk mendapatkan sengat ikan pari. Oleh itu, Wooley berpendapat bahawa keris adalah senjata asli yang tidak ditiru atau dipengaruhi oleh senjata-senjata lain. Namun, bagi nelayan yang menggunakan sengat pari itu, kegunaannya untuk mempertahankan diri daripada pelbagai ancaman binatang dari lautan. Disebabkan sengat pari itu tidak kukuh seperti besi, maka ia telah ditukar ganti dengan sesuatu yang lebih tahan lama seperti besi. Perubahan inilah yang menghasilkan sebilah keris. Keris boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu hulu, sarung dan mata.

Hulu keris merupakan satu bahagian yang penting dalam sesebuah keris kerana ia melambangkan status serta darjat seseorang. Ukiran hulu keris kebiasaannya berasal dari unsur binatang seperti burung atau ayam. Ukuran hulu keris adalah lebih kurang 15 cm manakala keadaannya membengkok di bahagian tengah seperti bentuk kepala tongkat dan diukir dengan tangan sepenuhnya. Saiz sesebuah keris dan bentuknya mengikut kesesuaian dan keselesaan untuk menggenggamnya. Keris mempunyai nilai estetika Melayu yang diperbuat daripada bahagian pangkal pokok, tunjang kayu, gading gajah, tanduk binatang, gigi ikan paus, emas, perak, besi, atau kemor iaitu sejenis batu karang. Terdapat beberapa jenis hulu keris yang popular iaitu hulu pekaka, hulu tajong, dan hulu kakak tua.

Kemudian, sarung keris pula adalah tempat untuk menyimpan keris. Sarung keris juga bertujuan untuk menjaga mata keris daripada sebarang kerosakan ketika ia tidak digunakan. Kebiasaannya, sarung keris diperbuat daripada kayu yang sama dengan hulunya. Ia bertujuan untuk memadankan keris dengan sarungnya supaya kelihatan serasi. Menurut pewaris perusahaan pandai besi yang telah bertapak sejak tahun 1841, Ustaz Azhar Hamid, sarung keris ibarat seperti baju kepada seseorang wanita atau lelaki. Jika seseorang lelaki memakai baju kurung, maka sudah pasti ianya tidak sesuai. Jadi begitu juga dengan keris, jika keris itu disarungkan dengan sarung keris yang berlainan dengan hulu keris, maka ianya kelihatan tidak sesuai. Sarung keris turut diperbuat daripada gading atau tanduk kerbau. Sarung keris turut digunakan untuk memperlihatkan status sosial serta ekonomi pemiliknya.

Seterusnya, pamor adalah pembentukan corak pada bilah mata keris ketika proses penempaan campuran logam, keluli, dan besi ketika penghasilannya. Pamor adalah ciri-ciri reka bentuk hasil seni yang unik, menarik, dan mistikal yang lahir pada setiap kewujudan sebilah keris. Hal ini kerana corak-corak ini terjadi secara semula jadi mengikut jenis-jenis besi atau istilah lainnya Baja yang dicampur. Terdapat beberapa jenis pamor iaitu Beras Tumpah, Berlian Melimpah, Bulu Carik Ayam, Kelat Lintah, Mata Ketitir, Miang Rebung, dan Perut Ular. Namun, yang paling digemari oleh penggemar keris adalah jenis Butir Petai kerana bentuknya yang unik.

Kemudian, kita boleh lihat pula kepada pendongkok keris. Pendongkok keris ialah sebentuk cincin yang dipasang di bahagian pangkal hulu keris sebagai perhiasan dan juga pembahagi di antara hulu dan mata keris. Pendongkok keris biasanya diperbuat daripada logam, tembaga, perak, atau emas. Pendongkok ini biasanya dihiasi dengan motif bunga atau tumbuhan dan ia berukiran bunga dawai pintal yang bertatahkan batu permata atau kadang-kala ukiran biasa sahaja.

Keris juga mempunyai bahagian di badannya yang dikenali sebagai luk. Kedudukan luk di keris ialah pada tepi mata keris yang berlekuk. Menurut Ustaz Azhar, keris mempunyai luk atau keluk yang menyerupai ular yang sedang menyusur. Luk keris biasanya bermula dari angka yang ganjil dari 3 hingga 13. Terdapat juga keris yang mempunyai lebih daripada 13 luk tetapi amat jarang untuk ditemui. Sekiranya ada sekali pun, keris tersebut dikatakan tidak sempurna.

Semangat keris bukanlah terletak pada bilangan luk. Sebaliknya, di setiap bilangan luk mempunyai maksud yang tersendiri. Maksud setiap luk keris dapat dihuraikan melalui angka ganjil seperti 3, 5, 7, 9, 11 dan 13 luk. Keris lurus (satu luk) membawa maksud pemilik keris mempunyai sifat kesetiaan yang tinggi, sangat tegas dan sukar untuk dipengaruhi dalam sesuatu perkara. Menjadi kebiasaan, keris lurus ini sering digunakan dalam majlis adat istiadat raja-raja di istana. Ia juga melambangkan seseorang yang mempunyai kepercayaan tinggi dan mental yang sangat kuat.

Keris luk tiga pula menjadi senjata yang sering digunakan oleh panglima-penglima dan juga bangsawan Melayu dalam pertempuran. Keris ini adalah keris yang sangat berbahaya kerana dapat membunuh pihak musuh hanya dengan sekali tusukan. Kemampuan keris luk tiga sebagai senjata pembunuh tidak boleh dipertikaikan lagi. Keris ini juga dikatakan dapat menunaikan apa sahaja permintaan pemiliknya. Manakala, keris luk lima melambangkan pemilik keris mempunyai kelancaran dalam berbicara dan dikatakan mampu mempengaruhi orang lain hanya melalui percakapan sahaja. Kepandaian berbicara ini menyebabkan pemilik keris disukai oleh orang ramai. Sifat kewibawaan yang tinggi dan hebat dalam aspek pemerintahan pula merujuk kepada pemilik keris luk tujuh. Sementara keris luk sembilan menggambarkan pemiliknya sangat bijaksana dalam semua aspek dan juga mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi. Keris luk 11 menggambarkan pemiliknya memiliki cita-cita yang tinggi dalam mengejar kemajuan dari aspek sosial. Keris yang mempunyai luk 11 ini sering digunakan oleh mereka yang bekerja dan telah berkahwin. Akhir sekali, keris luk 13 melambangkan pemiliknya sanggup mempertahankan apa jua yang dimilikinya.



MENAKJUBKAN...Ustaz Azhar mampu menegakkan keris dengan meletakkannya di sisi sendi sarung keris.

Antara keramat dan semangat

Keris bukanlah sesuatu yang bersifat mistik dan mempunyai kuasa luar biasa secara semulajadi. Menurut Ustaz Azhar, semangat keris itu muncul daripada tuhan yang satu iaitu berdiri diatas perkataan *Lillahi taala*. Sekiranya pemilik keris itu seorang yang hanya bersandarkan kepada Allah SWT semata-mata, maka akan hebatlah keris yang dimiliki. Untuk memiliki keris yang hebat, semangat yang diserap bukanlah termaktub semata-mata melalui kaedah mistik atau pemujaan sebaliknya semangat positif yang terdapat didalam diri pemilik keris itu sendiri. Menurut Ustaz Azhar lagi, sebelum seseorang berhasrat untuk menempah keris melalui perusahaan beliau, bukan nilai kos yang menjadi keutamaan sebaliknya adalah melalui kata hati dan sikap pelanggan. Sebelum menjalankan kerja-kerja memproses keris, Ustaz Azhar terlebih dahulu meminta tempoh selama seminggu kepada pelanggan sebelum menjalankan proses pembuatan keris. Hal ini bertujuan untuk menguji sejauh manakah personaliti penempah keris tersebut sama ada penyabar atau seorang yang panas baran. Berdasarkan pengalaman Ustaz Azhar, seseorang yang tidak mempunyai tahap kesabaran yang tinggi lazimnya tidak mampu untuk mengawal tingkah laku setelah memegang keris. Hal ini demikian kerana dikhuatiri si pemilik keris akan mencederakan sesiapa sahaja secara membuta tuli.

Berbicara mengenai rupa bentuk keris yang menegak, Ustaz Azhar menambah ia menyerupai huruf *Alif* iaitu bermaksud Allah yang satu. Semangat yang wujud melalui keris tidak boleh ditafsirkan sebagai sesuatu yang mempunyai kuasa mistik, sebaliknya semangat keris adalah pantulan daripada aura positif yang terhasil daripada kurniaan tuhan yang Maha Esa kepada si pemilik. Rata-rata masyarakat Melayu sering beranggapan bahawa keris mempunyai unsur mistik dan berpenunggu. Dakwaan tersebut benar sekiranya si pemilik menjadikan keris sebagai keramat untuk memuja, meminta kekuatan dan pertolongan daripada makhluk selain Allah SWT.

Sama ada mitos atau benar, masyarakat Melayu masih lagi mempunyai persepsi yang kurang tepat kerana terlalu menganggap keris sebagai alat yang mistik. Namun, percaya atau tidak setiap jenis keris boleh berdiri dengan sendiri bergantung kepada keseimbangan yang tepat. Hanya mereka yang mahir dalam pertukangan besi sahaja yang mengetahui kaedah untuk mendirikan keris. Kepakaran tersebut bukan atas dasar mempunyai kuasa luar biasa atau menunjukkan keris tersebut mempunyai p*esuruh ghaib* atau dipanggil khadam, tetapi lebih kepada kemahiran dalam menyeimbangkan mata keris. Namun, keseimbangan yang diperlukan untuk mendirikan keris juga bergantung kepada amalan setiap empunya keris. Kebanyakan yang mempunyai kelebihan tersebut banyak mewarisi petua nenek moyang mereka.



Pendongkok keris yang dikatakan menjadi mainan khadam.



Pamor pada keris terbentuk melalui proses pemanasan, penggulungan dan penempaan hasil daripada campuran 7 jenis besi patah.

Khadam juga menurut kepercayaan masyarakat Melayu ialah pendamping atau pesuruh ghaib yang akan membantu tuannya dalam keadaan atau permintaan tertentu. Khadam boleh menyerupai jin dalam pelbagai keadaan dan akan mendampingi seseorang sama ada secara bersyarat atau rela. Begitu juga dengan keris, sebagai simbolik mistik dan keramat adalah bahas daripada wujudnya unsur khadam yang mendampingi si pemilik keris sehingga adakalanya mampu menjadikan keris sebagai alat perubatan tradisional masyarakat Melayu yang diiringi jampi serapah dan pelbagai ritual lain. Oleh itu, keris dijadikan sebagai satu keramat dimana kepercayaan yang wujud adalah terbatas kepada alat tersebut tanpa adanya kebergantungan kepada Allah SWT.

Justeru, banyak pendekatan yang boleh dilakukan untuk menyucikan keris yang dipercayai mempunyai unsur mistik atau kuasa jahat. Mengikut kaedah mereka yang arif dalam bidang pertukangan besi dan perubatan Melayu, keris yang mempunyai keramat atau mistik antaranya adalah keris yang sudah lama menjadi tinggalan atau pernah menjadi senjata membunuh. Keris yang pernah digunakan sebagai senjata membunuh juga akan hilang alur di sepanjang luk keris kerana kesan darah yang menghakis luk keris tersebut. Melalui perkongsian oleh Ustaz Azhar, bagi menyucikan semula keris tersebut, petua yang digunakan oleh mereka yang arif adalah dengan menyediakan air kelapa, kulit nenas, limau purut dan belimbing. Ramuan tersebut kemudiannya akan dimasukkan ke dalam sebatang buluh dan keris akan direndam selama dua minggu untuk melunturkan segala jenis kekotoran yang tidak mampu dilihat dengan mata kasar manusia biasa. Antara kaedah lain juga, adalah dengan membenamkan keris kedalam tanah dengan berniat *dari tanah engkau datang, maka kepada tanah juga engkau dikembalikan* maka semangat keris tersebut akan hilang. Ungkapan tersebut sering digunakan berdasarkan salah satu unsur keris yang semula jadinya berasal dari tanah.

Seterusnya, keris juga dapat dibahagikan kepada keris jantan dan keris betina. Kedua-dua jenis keris tersebut tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Perbezaan ini dapat dilihat dalam aspek kelebaran keris, bilangan luk, dan jenis rencong. Keris jantan mempunyai bilangan luk yang banyak manakala keris betina mempunyai satu luk sahaja iaitu keris lurus. Dari segi saiz pula, keris betina mempunyai kelebaran yang lebih besar berbanding keris jantan yang berbentuk tirus. Saiz rencong juga dapat membezakan kedua-dua jenis keris itu. Keris jantan mempunyai saiz rencong yang lebih tajam manakala keris betina mempunyai rencong yang lebih besar. Namun, ada juga tanggapan yang berunsur mitos tentang jantan betinanya keris. Mitos yang mengatakan untuk mengenali keris itu jantan atau betina, ia dibawa tidur bersama pemiliknya dengan meletakkan keris tersebut di bawah bantal. Sekiranya pemilik terus teringat akan keris tersebut, maka ia adalah keris jantan. Keris jantan inilah yang akan mengingatkan pemiliknya supaya menggunakan senjata tersebut semasa berlaku sebarang ancaman. Namun, Ustaz Azhar berpendapat bahawa itu adalah mitos yang telah wujud pada zaman nenek moyang terdahulu dan masih diragui kebenarannya.

Mitos dan pantang larang

Keris adalah sejenis senjata unik yang digunakan untuk mempertahankan diri sejak lebih 600 tahun dahulu. Misteri tentang mitos dan pantang larangnya masih menjadi pertanyaan dalam masyarakat kini. Keris dikatakan mempunyai unsur mistik di mana ia mempunyai keistimewaan tersendiri dan kelebihan kepada pemiliknya. Keistimewaan yang dimaksudkan adalah keris itu sukar untuk ditukar milik dan sukar mempunyai keserasian dengan pemilik baru kerana setiap keris dikatakan mempunyai khadam. Kesaktian keris asalnya bukan datang daripada keris itu sendiri tetapi dipengaruhi oleh cara pengendalian pemilik tersebut kerana ia memerlukan penjagaan yang rapi. Perasap keris adalah penjagaan yang sering dilakukan oleh masyarakat Melayu terdahulu yang bertujuan untuk menaikkan semangat keris atau menambah bisa. Keris diperasap dengan bau-bauan seperti kemenyan atau minyak atar untuk memberikan bau yang wangi setiap kali keris dikeluarkan daripada sarungnya.

Manakala upacara menyucikan keris pula untuk membersihkan semula keris yang mempunyai unsur mistik kerana mempunyai kekotoran seperti darah selepas bertarung bagi meneutralkan kembali semangat keris. Menurut pengurus Koperasi Pandai Besi Pekan Darat, Ahmad Fikri Rofi'ai, terdapat sesetengah masyarakat dahulu yang ingin menambah kesaktian pada kerisnya dengan cara meletakkan rambut pemilik keris di dalam puting yang terletak di bahagian hulu keris. Ia dipercayai dapat menjadikan keris bertambah sakti dan hebat. Misalnya, seperti yang pernah didengari tentang keris yang boleh terbang. Keris dikatakan mempunyai empat unsur alam iaitu tanah, air, api, dan angin di mana setiap unsur-unsur tersebut memberikan kekuatan kepada keris. Keempat-empat unsur alam ini ditentukan oleh mata keris dan ia wujud secara langsung. Unsur tanah dikatakan asal besi itu diambil. Unsur air untuk merendam unsur api agar besi lebih sebati. Unsur api adalah untuk membakar besi dan unsur angin akan meniup api bagi membakar besi. Jika tiada salah satu daripada unsur tersebut, maka keris akan menjadi tidak seimbang.

Proses membuat keris tidak boleh dilakukan pada hari biasa melainkan pada malam Jumaat bertujuan untuk mengambil keberkatan penghulu segala hari. Menurut Ustaz Azhar lagi, pantang larang yang perlu dipatuhi oleh pandai besi ialah mereka tidak boleh bercakap sebarangan dalam proses menghasilkan keris. Hal ini untuk memastikan setiap pekerjaan yang sedang dilaksanakan lebih tekun supaya tidak menimbulkan kecelakaan yang diingini. Tambahnya lagi, tukang besi juga perlu berpuasa dan harus mendalami seni membuat keris ketika dalam proses ia dibuat. Pantang larang tersebut dibuat sebagai tanda menghormati keris yang sedang diproses.

Selain itu, wanita pula dilarang masuk ke dalam kedai atau pondok membuat keris. Pada dasarnya larangan itu agak pelik, kenapa wanita dilarang masuk walaupun wanita tersebut tidak melakukan apa-apa? Namun, wanita dikatakan mempunyai semangat yang lemah dan wanita yang datang bulan dikatakan berada dalam keadaan kotor dan tidak wajar berada di kawasan tersebut kerana ia boleh menyebabkan perkara tidak diingini berlaku seperti gangguan yang melibatkan unsur-unsur ghaib dan mistik, sebagai contoh wanita tersebut boleh dirasuk.

Manakala pantang larang bagi pemilik keris pula, jika ingin membuka keris jangan teragak-agak untuk mencabut dari sarungnya, kerana dikatakan semangat keris akan tersekat dan mendatangkan musibah. Pemilik keris juga tidak boleh meletakkan keris di merata-rata tempat kerana bimbang dilangkah oleh anak pemilik keris yang dipercayai boleh membawa kehilangan kesaktian keris tersebut. Di samping itu, keris perlu dielakkan dari dilanggar atau dipijak. Hal ini demikian kerana, perbuatan tersebut diibaratkan diri pemilik keris seolah-olah "dilangkah" atau "disepak" sehingga jatuh maruahnya. Perbuatan tersebut juga akan menyebabkan kesaktian keris menjadi lemah dan lama kelamaan akan hilang.

Kongsi mesej kelestarian di tiga negara

Oleh **NOOR FATIHAH ABDUL RASHID**

Pegawai Penyelidik Sosial di Regional Centre of Expertise on Education for Sustainable Development (RCE) Penang, Muhammad 'Ammar Mohd Aziz, telah merantau ke Kenya, Jepun dan India pada program yang dianjurkan oleh Sekretariat Kampus Sejahtera, Universiti Sains Malaysia (USM).

Melalui program tersebut, 'Ammar berjaya membawa mesej kepada pelajar tentang tiga buah negara dari sudut amalan kelestarian.

Ketiga-tiga negara tersebut dipilih kerana ia ialah destinasi persidangan dan mesyuarat RCE di peringkat Asia Pasifik dan antarabangsa seperti Global RCE Conference 2013 di Kenya, Global RCE Conference 2014 di Jepun dan program Youth United for Voluntary Action (YUVA Meet) di India.

Di ketiga-tiga buah negara tersebut, beliau sempat melihat kawasan persekitaran bandar, luar bandar, sistem pengangkutan, makanan dan budaya warisan masyarakat.

Di Jepun tempat yang dikunjungi ialah Okayama, Nagoya, Kyoto dan Osaka, manakala di India beliau ke New Delhi, dan di Kenya pula beliau ke Kompleks Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Menurut `Ammar, beliau tertarik dengan kata-kata oleh Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ban Ki-Moon iaitu "pembangunan mampan adalah laluan masa akan datang untuk kita semua. Ia menawarkan satu rangka kerja bagi menjana pertumbuhan ekonomi, mencapai keadilan sosial, menjalankan penjagaan alam sekitar dan mengukuhkan tadbir urus.

"Jepun yang memperkenalkan dan menerajui inisiatif kelestarian sememangnya jauh kehadapan dalam bidang kelestarian yang berbeza dengan India dan Kenya. Namun, negara-negara ini termasuk Malaysia mempunyai inisiatif tersendiri dalam memartabatkan bidang kelestarian", jelas 'Ammar lagi.

'Ammar menyarankan siswa-siswi supaya menceburi aktiviti kelestarian kerana ia tidak terhad kepada alam sekitar sahaja.

Siswa-siswi yang berminat dengan kelestarian dialu-alukan untuk menyertai program kelestarian melalui Bahagian Pengurusan Sumber dan Pentadbiran (PTJ) yang bertanggungjawab dalam kelestarian seperti RCE Penang, Sekretariat Kampus Sejahtera dan lain-lain lagi.

Tiket bas Raya Haji habis dijual

Baru sahaja seminggu berada pada semester yang baru namun siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) sudah mula membeli tiket balik kampung bagi meraikan Hari Raya Haji. Tiket sudah habis dijual dan penjualan tiket sudah bermula sebulan sebelum semester baru dibuka. Tiket yang paling mendapat permintaan ialah tiket ke negeri-negeri pantai timur.

"Bas tambahan turut disediakan namun tiketnya juga telah habis dijual. Syarikat Perdana tidak akan menambah lagi bas tambahan untuk menjaga kualiti perkhidmatan kami. Ini kerana jika kami menyewa bas lain namun menjual tiket atas nama bas Perdana maka kualiti memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan akan berkurang. Selain itu, bas juga tidak beroperasi pada waktu malam Hari Raya Haji bagi menghormati perayaan itu", jelas peniaga tiket UniTaqwa USM, Puan Rohaya Zakaria

"Saya baru sahaja ingin membeli tiket di UniTaqwa namun jawapan yang saya terima ialah tiket sudah habis dan nampaknya saya hanya akan menyambut Hari Raya Haji di USM sahaja dan ini merupakan kali pertama saya menyambut Hari Raya Haji tanpa keluarga di sisi", Hazirah Hamid, Komunikasi 3.

USM perkenalkan Kor SISPA



Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr Omar Osman (ketujuh dari kiri, baris belakang) berdiri bersama-sama Dato' Seri Dr Shahidan Kassim (kelapan dari kiri, baris belakang) dan pegawai-pegawai Kor SISPA semasa Majlis Pentaulihan dan Perhimpunan Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan kali ke-6 tahun 2015 pada 20 Ogos 2015 di Dewan Tuanku Syed Putra USM.

Universiti Sains Malaysia (USM) menubuhkan Kor Siswa–Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) sebagai uniform berpakej pada tahun ini.

"Kor SISPA melatih setiap platun sifat kesukarelawanan dalam diri dalam membantu masyarakat apabila berlaku bencana alam", kata Mejar Bersekutu (PA) Mohd Rashid Abdul Rejab kepada Berita Kampus.

Tambahnya lagi, USM mahukan siswa-siswi terlibat dalam unit beruniform seperti Kelanasiswa USM dan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES).

Menurut Pegawai Pengurusan dan Logistik, Mejar Bersekutu (PA) Mohd Rashid Abdul Rejab, pengambilan siswa-siswi telah ditetapkan seramai 90 orang, tetapi Pusat Kokurikulum USM mengambil seramai 112 orang selepas mendapat sambutan menggalakkan daripada siswa-siswi tahun satu.

Beliau berkata, pengambilan Kor SISPA USM adalah bebas tidak seperti PALAPES kerana mereka hendak mewujudkan nilai kesukarelawan dalam diri semasa menyertai Kor SISPA USM selain mereka akan mendapat pengetahuan yang selama ini mereka tidak belajar dalam kehidupan dan input cara bermasyarakat.

Tambah beliau, siswa-siswi yang menyertai Kor SISPA USM kali ini akan ditempatkan di Desasiswa Tekun.

"Namun, elaun tidak diberikan kepada siswa-siswi kerana ingin melatih mentaliti siswa-siswi tidak menyertai sesuatu kegiatan hanya disebabkan pemberian elaun. Elaun hanya akan diberikan apabila menyertai latihan dan kegiatan luar oleh Jabatan Pertahanan Awam Pulau Pinang", tegas beliau.

Jabatan Pertahanan Awam Pulau Pinang mengelola kaedah pembelajaran untuk uniform Kor SISPA USM sepenuhnya. Perjumpaan pertama telah diadakan pada 21 September ini untuk siswa-siswi Kor SISPA USM mendengar taklimat sepenuhnya daripada pegawai-pegawai pentadbir Kor SISPA USM.

Together we bring peace to the world



The exhibition crew member explained the details of nuclear weapons to Universiti Sains Malaysia Deputy Vice-Chancellor of Industry and Community Network, Professor Dato' Dr See Ching Mey (second from left).

An antinuclear exhibition entitled Everything You Treasure-For a World Free from Nuclear Weapon was held in Univesiti Sains Malaysia (USM) to encourage the abolition of nuclear weapons, win over violence and establish a culture of peace.

The Deputy Vice-Chancellor of Industry and Community Network, Professor Dato' Dr See Ching Mey in her speech urged the audience to remember the cruelty of war and strengthen the nation towards peace to avoid another war.

"In organising this exhibition and Run for Peace with Soka Gakkai Malaysia (SGM), we are able to teach the young generation on the horrors of war and instill practice of peace in the society. Therefore, the world will be free from nuclear weapon to safeguard the treasures of our lives. Peace begin from everyone present today", she explained.

Prof See also added that USM has worked to ensure that all problems can be solved by round table discussion instead of violence.

According to the research officer of Centre for Herbal Standardisation (CHEST) USM, Miss Lim Kam Yit, the exhibition is aimed to provide opportunity for USM staff and students to learn about nuclear weapons from different viewpoints, increase awareness and prohibit nuclear weapons.

"The exhibition consists of three sections with a total of 40 panels. We should understand the nuclear weapons issue from 12 perspective such as humanitarian, environmental, medical, economic, human rights and gender. Hence, we can change our worldview and know that we are the solution so that we will treasure what we have", Miss Lim added on.

Yayasan USM International Food Fair an astounding success

By **FAN WEI SIN JOYCE**

Yayasan Universiti Sains Malaysia (USM) recently organised the Yayasan USM International Food Fair which took place at the Padang Kawad on 12 and 13 September.

Established on 31 March 2014, Yayasan USM is a corporate body that aims to transform the higher institution for a sustainable future.

According to the manager of Yayasan USM, Fadzilla Bosman, the body will raise fund by organising various events to aid needy students.

"By helping these students, they can continue their studies here in USM without having to worry about their financial troubles", she said.

Deputy Chairman of Division of Academic and International Affairs, Dr. Mohd Hafizal Mohd Isa, explained that Yayasan USM are trying a different approach to raise more fund by organising its very first international food fair.

"The food fair is a fun way to get a larger group of people to participate and contribute for a good cause", he said.

The charity event saw a total of 30 stalls offering a wide variety of food. The stalls are split into four different sections- Middle East, East Asian, South East Asia and Western European.

Dai Yoshie, an exchange student from Japan, was eager to introduce the traditional Japanese breakfast which consist of onigiri (triangular shaped rice stuffed with salmon or tuna), tamago (Japanese omelette) and a bowl of suimono (clear Japanese soup).

"I realised that Japanese food is liked by many here but our traditional breakfast is still not known by most Malaysians", he explained.

In the afternoon, the Japanese booth started serving nagashi-somen whereby the noodles is carried across a long flume of bamboo using clear water.

Customers standing close to the bamboo will then attempt to catch the noodles with their chopsticks and later savoured by dipping them in tsuyu, a Japanese dipping sauce.

Customers also frequented the Korean stall which offered janchi guksu, also known as 'marriage noodles', a traditional noodle dish that is only eaten during special occasions such as wedding ceremonies and birthday celebrations.

Korean exchange student, Oh Yoon Goh, expressed that the food fair was the perfect platform to introduce this ancient dish.

"Even in Korea, the dish is not common anymore as modern weddings these days often opt for buffet dinner instead. It will be such a shame if the dish goes extinct without anyone knowing its existence", he explained.



CROWD ATTRACTION... Hungry customers eagerly waiting for their *nagashi-somen* to flow down the bamboo.

Given the food fair's astounding success, collecting a total of approximately RM110,000 in coupon cash, Fadzilla hopes that it will be an annual activity with the continuous support of the public.

Upcoming events that will be organised by Yayasan USM include Superbike Week, Golf Amal USM and Majlis Makan Malam Amal USM. For more information regarding Yayasan USM, do visit www.yayasan.usm.my.

Jumlah siswa-siswi pertukaran meningkat

Seramai 150 siswa-siswi universiti luar negara telah mendaftar sebagai pelajar pertukaran di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1 September yang lalu.

Menurut Penolong Pembantu Tadbir, Pejabat Antarabangsa USM, Nor Suriati Ayob, jumlah pelajar pertukaran di USM kini semakin meningkat.

"Jumlah siswa-siswi telah meningkat dari 90 kepada 120 orang dan pada semester ini, jumlah pelajar pertukaran di USM adalah 150 orang", tambah Suriati.

Indonesia, Jepun Austria dan Jerman adalah antara negara yang paling ramai menghantar siswa-siswi ke USM untuk program pertukaran pelajar pada semester ini.

Sebarang maklum balas boleh dihantar ke [beritakampus45@gmail.com], atau terus ke Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi.

Bersemangat walaupun kebasahan

Sebanyak 128 orang pelajar antarabangsa dan 22 ahli kelab Pejabat Antarabangsa Universiti Sains Malaysia (USM) yang dikenali sebagai Student Buddies USM, telah menyertai ekspedisi Kerachut pada 5 September.

Acara ini merupakan acara pertama yang dianjurkan oleh Pejabat Antarabangsa untuk pelajar antarabangsa yang menyertai program pertukarannya di USM.

Menurut pengarah projek, Amira Hasmili, acara ini bukan sahaja mendedahkan pelajar antarabangsa kepada hutan tropikal Malaysia, ia juga mampu merapatkan hubungan antara mereka dengan Student Buddies.

Ekspedisi bermula pada pukul 8.30 pagi dengan mendaki selama dua jam dari Taman Negara Pulau Pinang ke Pantai Kerachut.

Namun, pelbagai aktiviti seperti pemuliharaan penyu dan permainan yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana hujan lebat.

"Kami terpaksa menghabiskan masa kita di dewan terbuka sambil menunggu hujan untuk berhenti", kata Amira.

Walaupun rancangan tidak berjalan lancar, ramai pelajar telah menyuarakan kegembiraan dan kepuasan mereka terhadap ekspedisi.



LETIH... Kebanyakan pelajar antarabangsa berehat di dewan terbuka Pantai Kerachut sambil menunggu hujan untuk berhenti.

Simon Wasser, pelajar dari Germany, berpendapat bahawa pengalamannya telah menjadi lebih menarik akibat hujan lebat pada hari tersebut.

"Mendaki hutan dalam hujan yang lebat merupakan satu pengalaman yang luar biasa. Selain itu, saya juga telah memperolehi ramai kawan baharu kerana masa lapang di pantai telah memberi saya peluang untuk berinteraksi dengan pelajar yang lain", kata Simon.

Program yang bakal dianjurkan untuk pelajar antarabangsa yang akan datang termasuk program Coffee Hour dan Coffee Hour Day.

Sehati Sejiwa bersama UNiC

Kejayaan konsert Nostalgia Raihan Februari lepas telah membawa Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia (MPP USM), bersama Pembimbing Siswa Lestari (PPSL) untuk menganjurkan sebuah lagi konsert berlandaskan motif yang sama.

"Sudah lama kami berhasrat untuk menganjurkan hiburan berunsur Islam dan tidak melalaikan. Itu sahaja motif kami. Kami mencuba nasib dengan konsert Raihan, hasilnya, sambutan yang diterima sangat mengujakan jika dibandingkan dengan artis-artis lain yang pernah dijemput ke USM", luah pengarah projek, Mohd Fahmi Mohd Fadzli.

Anjuran kali ini menjemput satu lagi kumpulan nasyid tanah air, UNiC pada awal September dengan tema Sehati Sejiwa.

Menurut Fahmi, judul Sehati Sejiwa menjadi pilihan kerana ia merungkapkan kesatuan, sesuai bagi melambangkan bulan kemerdekaan tahun ini.

Menerusi penganjuran konsert UNiC ini, MPP USM berharap dapat menggalakkan siswa-siswi di luar sana untuk menambah program-program hiburan yang bukan sekadar menyeronokkan malah turut diselitkan dengan pengisian serta pengajaran yang bermakna.

Sesi beramah mesra bersama UNiC telah diadakan sejurus konsert tamat dan siswa-siswi diberi peluang meluangkan masa bersama mereka sambil membeli produk terbaru UNiC iaitu T-shirt dan album kompilasi UNiC berjudul The Greatest Hits.

Long queue for the first day of orientation

The buses provided were crowded with the first year's residents of Desasiswa Restu, Saujana and Tekun (RST) to move their belongings from Padang Kawad to their respective hostel in RST on the first day of registration in Universiti Sains Malaysia (USM).

According to the students' registration schedule, the residents of Desasiswa Saujana were allowed to check in to their hostel from 8.30am. Another two hostels with more residents which are Desasiswa Tekun and Desasiswa Restu started their process of registration on 2.30pm.

"There are 11 buses including the shuttle buses of Unic Leisure and USM express buses work on that day as the cars are not allowed to enter the RST area", said Pembimbing Program Siswa Lestari (PPSL), Lester Ng Kim Ho.

Meara Natalie, Computer Sciences 1, who lives in Desasiswa Restu, said that she waited for the bus around 2 hours in Padang Kawad. However, she did not lodge a complaint as she did not think that it was a big deal for her to wait. She was just unhappy with the disorganize queue as people were scrambling when the bus came.

Lester said, although the PPSLs had been trying their best to plan the schedule and works, hoping that the process of registration on the first day could be running smoothly, but the situation were always happened beyond their expectation. The situation were disorganize despite the efforts by the PPSLs to control the situation. Most of them had to wait more than 30 minutes.

"The students who registered in the morning took a shorter time to reach their hostel because there are less residents living in Desasiswa Saujana," said Lester. PPSLs were assigned to maintain order of registration in USM.

During the peak hour of registration, there were estimated around 1,000 people to be in the morning session while there were around 1,200 people during the afternoon session in Padang Kawad. The students and their families waited for the buses in the 5 big tents in Padang Kawad.

Alumni USM kembali berkhidmat

Universiti Sains Malaysia (USM) telah menubuhkan Persatuan Alumni Pemimpin Pelajar pada tahun 2012 yang dipengerusikan oleh Encik Khairul Eruwan Abdul Halim yang kini bertugas sebagai Ketua Penolong Pendaftar USM.

Persatuan berdaftar tersebut telah mengumpulkan semua alumni pemimpin pelajar USM bermula daripada tahun 2000.

Alumni USM kembali berkhidmat ke USM bermula daripada menjadi fasilitator bagi kem Program Pembimbing Siswa Lestari (PPSL).

Bukan hanya menjadi fasilitator, variasiswa pada kali ini dihangatkan lagi dengan pengacara majlis yang dijemput khas daripada alumni USM juga iaitu Mohd Fadzli Che Harun dan Murshid Mohd Hussin.

Mereka ialah alumni USM yang sering menabur bakti kepada USM. Mereka juga ialah mantan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada tahun 2006/2007.

Menurut Fadzli yang kini bertugas sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa beliau datang ke USM dan memberi sokongan kepada siswa-siswi USM adalah kerana ingin membalas jasa USM yang sekian lama membantu saya ketika dahulu.

Bukan itu sahaja, beliau sendiri mempunyai semangat cinta kepada USM yang tinggi hingga menyebabkan beliau akan selalu bersama USM.

Tambahnya lagi, beliau ingin menghargai USM sebagai tempat beliau menuntut ilmu.

Mohd Sufian Abu Hassan yang kini bertugas sebagai Penolong Pengarah Biro Tatanegara (BTN) Pulau Pinang, turut memberi sokongan sebagai alumni USM. Menurut Sufian, alumni USM termasuk dirinya sendiri terus memberi sokongan kepada USM kerana ingin berbakti kepada USM.

"USM merupakan sebuah universiti yang mempunyai keunikannya sendiri dan membuatkan kita merasa seronok untuk terus berbakti sehingga kembali balik ke USM", tambah Sufian lagi.

Sufian berpesan supaya menjalankan sesuatu tugas itu biarlah ikhlas sehingga mencapai sesuatu objektif sebenar.

"Alumni USM tetap setia dengan USM walaupun sudah habis pengajian. Sikap sayang dan setia yang ada perlu disemat dan diikuti oleh semua mahasiswa USM." kata penghulunita bagi PPSL tahun 2015/2016, Najibah Ismail.

Bukan itu sahaja, beliau sendiri mempunyai semangat cinta kepada USM yang tinggi hingga menyebabkan beliau akan selalu bersama USM.

Fajar Harapan ungguli Variasiswa 2015



NAIB CANSELOR Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr Omar Osman merasmikan Variasiswa 2015 di Dewan Tuanku Syed Putra USM pada 18 September 2015

Oleh **NUR SHAHIDATUL SHAHIRA ZAKARIA**

Desasiswa Fajar Harapan sekali lagi merangkul juara keseluruhan dalam Variasiswa 2015 selepas bergelar juara pada Variasiswa 2014 yang berlangsung di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini.

Variasiswa 2015 mengetengahkan bakat siswa-siswi baharu sidang akademik 2015/2016 yang bertemakan Mahasiswa Sehati Sejiwa.

Persembahan dari Desasiswa Fajar Harapan berjaya menarik hati penonton dan juri sekaligus memenangi johan keseluruhan melalui jalan cerita yang dipersembahkan bertepatan dengan tema yang ditetapkan.

Penyertaan dan mutu persembahan dari semua desasiswa Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan pada tahun ini amat memberangsangkan dan lebih menarik berbanding tahun lepas.

Masa persembahan dihadkan untuk persembahan 5 minit sahaja.

Juri pertandingan ialah Ramnah Ramli, Pegawai Kebudayaan Dewan Budaya USM selaku ketua juri pada malam itu, Norhelmi Othaman, Pegawai Kebudayaan Dewan Budaya USM, Andy Siti Nurhidayah Rahim, Pegawai Kebudayaan Dewan Budaya USM dan Azizah Rossi, artis Dewan Budaya USM.

Alumni USM turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam Variasiswa 2015 di samping menyokong dan memberi tunjuk ajar kepada siswa-siswi baharu.

Persembahan dari siswa-siswi baharu diselangi dengan persembahan dari Pasukan Dikir Barat USM, Anugerah Freshie Paling Sporting, persembahan dari artis Dewan Budaya USM, Anugerah Pembimbing Program Siswa Lestari (PPSL) Paling Sporting, persembahan dari Adikarma USM, dan persembahan dari kumpulan The Members. Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr Omar Osman kepada juara keseluruhan persembahan.



Adikarma menyerlah di pentas antarabangsa

Hasil gabungan Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Malaysia Perlis dalam drama tari Bawang Putih Bawang Merah jadi tarikan di IMT-GT.

Kumpulan Kesenian Adikarma Universiti Sains Malaysia (USM) telah menghantar seramai 20 orang penari untuk mewakili USM dalam Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) ke-17 yang diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 18 hingga 22 Ogos lalu.

Sepanjang program itu berlangsung USM telah berjaya memenangi dua anugerah secara keseluruhan. Adikarma telah memenangi Best Theme Cultural Performance hasil persembahan gabungan bersama Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi MARA Perlis (UiTM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melalui persembahan drama tari Bawang Putih Bawang Merah. Kumpulan tersebut turut memenangi Best Cultural Combined Show melalui persembahan tarian Melanau yang berasal dari Sarawak.

Menurut Prof. Madya Amporn Sornprasit, Pegawai Kebudayaan Prince of Songkla University, beliau sangat berpuas hati dengan persembahan Adikarma kerana telah membawa satu imej yang baik sepanjang program berlangsung. Di samping itu, beliau juga mampu memahami kesenian dan kebudayaan Malaysia.

"Pencapaian yang dicapai sepanjang penubuhan persatuan ini sangat memberangsangkan dan usaha ini patut diteruskan bagi mengekalkan kebudayaan tradisional melayu kita. Saya percaya, mereka mampu bergerak lebih jauh jika diberi peluang yang lebih luas pada masa akan datang", ujar Pegawai Kebudayaan USM merangkap tenaga pengajar, En. Muhammad Al-Hafiz Md Sani.

Sebanyak 11 universiti mengambil bahagian dan mereka perlu membuat tiga buah tarian sebagai persembahan iaitu tarian dari universiti masing-masing, drama tari gabungan satu negara dan tarian gabungan bersama siswa/i dari negara yang berlainan. Antara tarian lain yang dipersembahkan oleh Adikarma adalah Gamelan dan Silat.

DIKN wujud kefahaman Melayu Brunei

Program Delegasi Inovasi dan Kelestarian Nusantara (DIKN) anjuran Persatuan Bahasa Melayu (PBM), Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Kelab Pendeta Bahasa (KPB), Universiti Brunei Darussalam berjaya dilaksanakan. Pada 2 hingga 5 September baru-baru ini. Program DIKN bertujuan mencari persamaan dan memahami perbezaan bahasa Melayu dan bahasa Brunei.

Seramai 24 siswa-siswi dan dua orang pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan selaku penasihat Persatuan Bahasa Melayu serta 30 siswa-siswi Kelab Pendeta Bahasa telah menyertai program itu. Pengisian program ini adalah seminar kelestarian bahasa, pertukaran budaya di antara kedua-dua universiti dan meja bulat yang melibatkan pembentangan dari wakil universiti yang bertemakan Kelestarian Bahasa, Budaya dan Sastera.

Pembentangan di meja bulat menampilkan tiga wakil dari PBM dan KPB yang membentangkan isu tentang bahasa Melayu terancam dan kelangsungan dialek Tutong. Pengisian lain program ini adalah penglibatan komuniti dan lawatan ke Muzium Regalia iaitu pusat pengumpulan alat-alat kebesaran Sultan Brunei.

Malam pertukaran budaya menjadi acara kemuncak DIKN yang menampilkan siswa-siswi kedua-dua universiti mempersembahkan tarian budaya mereka.

Menurut pengarah projek, Mohd Ziyad Salipa, program DIKN berjalan lancar dengan kerjasama daripada ahli jawatankuasa PBM dan KPB.

"Alhamdullilah program ini berjalan dengan lancar dengan kerjasama yang baik daripada kedua pihak dan berharap semoga PBM terus maju kehadapan", katanya.

Menurut Ziyad, dengan kepimpinan yang akan datang akan meluaskan lagi kerjasama dengan universiti negara serantau yang mempunyai penutur bahasa Melayu.

Salah seorang pembentang yang mewakili Persatuan Bahasa Melayu Norhidayu Soon Gin Yee, beliau sangat seronok dan terharu dengan layanan yang diberikan oleh Kelab Pendeta Bahasa.

"Layanan mereka sangat baik dan saya berpuas hati dengan hasil pembentangan tersebut. Saya juga dapat mempelajari dialek Brunei yang unik", katanya.

Integrasi Borneo 3.0 medium perpindahan ilmu di Borneo



Peserta Program Integrasi Borneo 3.0 bergambar sebagai kenangan bersama anak-anak yatim di Komplek Kebajikan Hamidah Yaakob, Miri Sarawak

Oleh **NURUL FAZERA ABDUL AZIZ**

Seramai 26 siswa-siswi Majlis Penghuni Desasiswa Aman Damai (MPDAD), Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Kolej Kediaman Tun Mustapha, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kolej Cempaka, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya menganjurkan Program Integrasi Borneo 3.0 (IB 3.0)baru-baru ini.

Program yang memasuki siri ketiga bertemakan Jalinan Masyarakat dan Mahasiswa ke Arah Integrasi Nasional telah diadakan pada 23 Julai 2015 hingga 1 Ogos 2015 yang lalu.

MPDAD selaku tuan rumah dalam program tersebut bertujuan melestarikan hubungan yang terjalin antara warga USM melalui MPDAD dan warga Borneo khususnya Sabah dan Sarawak dalam menerapkan nilai kesukarelawanan yang tinggi dalam diri siswa-siswi dengan mewujudkan hubungan yang erat bersama masyarakat.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Program Integrasi Borneo 3.0 menjalankan aktiviti kemasyarakatan yang berasaskan empat konsep utama iaitu kesukarelawan, kebajikan, permindahan kearifan dan kelestarian.

Menurut pengarah projek, Atikah Zahrullail, program berjalan lancar serta mendapat kerjasama yang baik dari kedua-dua universiti.

"Saya bersyukur kerana program Integrasi Borneo 3.0 berjalan dengan lancar walaupun mempunyai sedikit masalah penukaran sekolah untuk menjalankan aktiviti pada saat akhir," katanya.

Menurut Atikah lagi, diharapkan program Integrasi Borneo dapat diteruskan untuk siri seterusnya agar matlamat untuk menjelajah dan berkongsi ilmu dengan seluruh masyarakat Borneo tercapai.

The Kapit's buka cawangan baharu di Kampus Kejuruteraan

Hanya beberapa bulan selepas dirasmikan di Desasiswa Cahaya Gemilang (CG) di Kampus Induk, kafe The Kapit's telah membuka cawangan baharu di Desasiswa Lembaran, Kampus Kejuruteraan pada 31 Ogos 2015.

Berbeza dengan konsep santai yang terdapat di Desasiswa CG, cawangan di Desasiswa Lembaran berkonsep kedai terbuka dan menyediakan pilihan menu yang ringkas.

Menurut pengusaha, Mohamad Shafiq Kamaruddin, dia menjelaskan bahawa pemilihan lokasi strategik ini membolehkan mereka mengenal pasti minat dan permintaan pelanggan selain potensi untuk mengembangkan perniagaan di Kampus Kejuruteraan.

"Kami merasakan bahawa adalah lebih baik untuk memulakan perniagaan secara kecil terlebih dahulu sehingga perniagaan menjadi stabil. Kemudian, barulah kami akan melakukan penambahbaikan seperti di CG bagi keselesaan pelanggan", ujarnya lagi

Bermodalkan keuntungan yang diperolehi sejak penubuhannya di Desasiwa Tekun pada tahun 2013, cawangan The Kapit's Kampus Kejuruteraan kini mempunyai staf seramai enam orang yang terdiri daripada siswa-siswi.

Beroperasi dari jam 5.00 petang sehingga 12.00 tengah malam setiap hari, ia menyajikan menu seperti ais-krim goreng, pavlova, kek dan produk terbaharu mereka, Kopi Tok Balak.

Ditanya mengenai pelan untuk membuka cawangan di Kampus Kesihatan, Shafiq merasa kemungkinannya rendah. Namun dia merancang untuk membuka cawangan di Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Pahang (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Dalam masa yang sama, Mohamad Shafiq yang juga merupakan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar USM bagi Sidang 2014/2015 turut menyatakan hasrat untuk tidak bertanding bagi pilihan raya kali ini bagi memberi tumpuan terhadap perniagaan dan pelajaran.

Kami merasakan bahawa adalah lebih baik untuk memulakan perniagaan secara kecil terlebih dahulu sehingga perniagaan menjadi stabil. Kemudian, barulah kami akan melakukan penambahbaikan seperti di CG bagi keselesaan pelanggan

Pameran PALAPES Darat tarik minat siswa-siswi USM

Pameran ketenteraan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Darat Universiti Sains Malaysia (USM), sempena hari pendaftaran kokurikum dengan kerjasama Pusat Rancangan Ko-Kurikulum USM telah diadakan di Dewan Kuliah G pada 3 September 2015.

Pameran tersebut bertujuan memberi pendedahan dan menambah ilmu ketenteraan bagi membina siswa-siswi yang berdisiplin dan bersemangat tinggi serta untuk menarik minat supaya menyertai keluarga PALAPES Darat USM. Ahli jawatan kuasa yang menguruskan pameran tersebut adalah pegawai kadet berpengalaman luas dalam hal ketenteraan PALAPES Darat USM.

Pelbagai jenis senjata ketenteraan dipamerkan dalam pemeran tersebut seperti M16, M203 Granade Launcher 40mm, Carl Gustav dan 60mm Mortar Esperanza. Makanan dan pakaian seragam askar juga turut dipamerkan. Melalui pameran tersebut, ramai siswa-siswi baru USM yang tertarik untuk mendaftarkan diri sebagai pegawai kadet USM.

Menurut pengarah projek pengambilan PALAPES Darat, Mohd Nur Aiman Ibrahim, pendaftaran ahli baru sebagai kadet junior sangat mengejutkan kerana terlalu ramai yang berminat sehinggakan borang pendaftaran terpaksa ditambah. Aiman Ibrahim yang juga selaku pegawai kadet senior mengatakan yang beliau sangat berpuas hati dengan maklum balas yang diberikan oleh siswa-siswi baru USM dan beliau berharap kesemua yang berdaftar akan dipilih untuk menjadi sebahagian daripada keluarga PALAPES Darat USM.

Tambah beliau lagi, kini PALAPES Darat di Kampus Kesihatan telah diwujudkan sejak tahun 2014, dan menerima tindak balas yang cukup memuaskan daripada kalangan siswa-siswi perubatan. Beliau menyatakan jumlah pendaftarn keseluruhan ketiga-tiga kampus ialah 136 orang, 21 daripada Kampus Kesihatan, 80 Kampus Induk dan 35 Kampus Kejuruteraan.

"Pertambahan bilangan yang berdaftar berbanding tahun lalu untuk menyertai PALAPES Darat USM adalah berkat kerja keras dan kesungguhan ahli jawatan kuasa dalam usaha untuk menjayakan pameran ini adalah faktor penyumbang kepada peningkatan siswa-siswi yang berdaftar", kata Aiman Ibrahim ketika diminta mengulas tentang jumlah pendaftaran pegawai kadet baru.

Sementara itu, satu-satunya siswi berbangsa India yang telah berdaftar untuk menyertai PALAPES Darat USM, Jamuna Chandran menyatakan bahawa pameran ketenteraan tersebut yang mempengaruhinya untuk mendaftarkan diri dalam kokurikulum PALAPES Darat.

Pertambahan bilangan yang berdaftar berbanding tahun lalu untuk menyertai PALAPES Darat USM adalah berkat kerja keras dan kesungguhan ahli jawatan kuasa dalam usaha untuk menjayakan pameran ini adalah faktor penyumbang kepada peningkatan siswa-siswi yang berdaftar

3 pegawai PALAPES USM terima Anugerah Kadet Terbaik



Lintas hormat daripada barisan pegawai kadet Universiti Sains Malaysia semasa berlangsungnya Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet Palapes Universiti Awam ke-34 di Universiti Putra Malaysia.

Oleh **MASTURA ABDUL MALEK**

Semasa Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet Palapes Universiti Awam ke-34 yang disampaikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada 15 Ogos lalu, seramai tiga pegawai kadet dari Universiti Sains Malaysia (USM) dikurniakan pedang Istiadat beserta watikah perlantikan Pegawai Askar Wataniah, tentera laut dan juga udara yang sekaligus membawa gelaran Leftenan Muda.

Istiadat Pentauliahan telah disertai seramai 1,598 pegawai kadet dari seluruh Universiti Awam (UA) untuk ditauliahkan menerusi majlis tersebut yang bertempat di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Istiadat yang bertemakan Watan Mendaulat Nusa itu meletakkan siswa USM, Abi Zarrin Mohd Taib, Muhd Asraf Husnil dan Mohd Firdaus Basir antara yang diumumkan sebagai penerima anugerah kadet terbaik dalam tentera darat, tentera laut dan tentera udara. Hal itu sekaligus mengharumkan nama USM melalui pencapaian mereka yang salah seorangnya adalah siswa dari Kampus Kejuruteraan. Menurut salah seorang penerima anugerah tersebut, Abi Zarrin 23, beliau tidak menyangka apabila diumumkan sebagai kadet terbaik untuk barisan tentera darat USM.

"Saya rasa sangat bersyukur dan gembira dengan anugerah yang diterima," katanya.

Menurutnya lagi, mereka mengambil masa dua minggu untuk menjalani latihan dan persiapan sebelum berlangsungnya majlis pentauliahan tersebut. Abi Zarrin juga menegaskan sepanjang beliau menyertai Palapes Darat, persiapan dari segi mental dan fizikal harus kuat.

"Memang semangat harus kuat. Jika ingin sebutkan cabaran, saya tidak nafikan memang banyak latihan mental dan fizikal. Dalam masa yang sama harus laksanakan tanggungjawab sebagai pelajar, memang suatu yang mencabar. Kita juga harus pandai uruskan jadual untuk akademik. Palapes khususnya mengajar saya untuk bangun awal pagi dan menjadi rutin kebiasaan saya setiap hari. Lebih banyak masa yang saya ada untuk uruskan apa yang tertinggal didalam pelajaran. Jika saya terfikir untuk putus asa sekali pun, saya akan kawal fikiran saya dan buang perasaan itu," katanya lagi.

Seramai 115 pegawai kadet USM turut ditauliahkan pada hari yang sama dan menerima watikah perlantikan masing-masing. Dalam masa yang sama, Abi Zarrin turut mengalu-alukan lebih ramai pelajar baharu menyertai Palapes USM.

"Saya berharap siswa-siswi baru yang bakal menyertai bidang ketenteraan yang ditawarkan di USM, moga terus kekal dalam pilihan yang mereka lakukan. Siapkan mental dan fizikal dengan secukupnya dan paling penting jangan berpatah balik jika sudah melangkah," akhirinya.

Kriteria yang dinilai untuk menjadi penerima anugerah kadet terbaik adalah dari segi dapat memimpin dengan baik. Dalam hal yang sama, penerima turut di nilai dari segi pencapaian akademik, bijak dalam menangani masalah dan mempunyai idea-idea yang baru dalam skop latihan ketenteraan.

ISU SEMASA

Oleh **HEMAWATHI SOMASUNDHARAM, NUR SYAHIDAH ABU BAKRI, NOR KHAMISAH SAIDIN, SITI NAZIFAH TAJUDIN, NUR IZZAH A'TIRA MUHAMAD NAZMI**

BACAAN IPU DI BEBERAPA DAERAH DARI 11 HINGGA 18 SEPTEMBER 2015

DAERAH/TARIKH	11/9	12/9	13/9	14/9	15/9	16/9	17/9	18/9
SAMARAHAN	177	151	110	117	124	143	210	109
SRI AMAN	169	126	103	135	157	164	130	125
PELABUHAN KLANG	77	164	137	165	162	97	97	78
BUKIT MUDA	87	157	115	162	178	87	89	81
NILAI	103	134	150	167	170	78	107	81

Komitmen bersama perlu untuk atasi jerebu

Malaysian Insider baru-baru ini melaporkan 463 sekolah rendah dan menengah di tujuh daerah di Sarawak ditutup akibat jerebu. Manakala lebih 2000 sekolah ditutup di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka pada 15 September. Ini disebabkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kawasan terbabit mencapai paras 200. Keadaan jerebu memberikan implikasi yang sangat buruk kepada pelajar kerana ia akan mengganggu aktiviti pembelajaran mereka terutama sekali bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan.

Jerebu mengandungi partikel yang berbahaya seperti nitrogen dioksida, sulfur dioksida dan karbon dioksida. Partikel ini akan memasuki badan melalui pernafasan. Ini menyebabkan mangsa diserang penyakit lelah, asma, sakit tekak, selesema, pedih mata, bronkitis dan sebagainya. Dalam kes yang lebih teruk bendasing akan merosakkan tisu paru-paru, menghalang fungsi sel haemoglobin dan seterusnya merosakkan sistem pernafasan.

Di samping itu, zarah pencemar boleh menjejaskan kecerdasan otak terutamanya kanak-kanak yang sedang membesar. Bahan hidrokarbon yang dibawa oleh jerebu boleh mencetuskan kanser dan menyebabkan kerosakan otak. Laporan Berita RTM pada 17 September menyatakan bahawa laporan mingguan jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan ARI (acute respiratory infection) yang dikumpul dari klinik sentinel (klinik yang dipilih kerajaan untuk mengawasi kesan jerebu) seluruh negeri Sarawak seminggu sebelumnya mencatatkan 30 peratus peningkatan.

Fenomena jerebu juga mengakibatkan jarak penglihatan terhad. Masalah ini dapat dibuktikan melalui kejadian jerebu yang berlaku di Kuching apabila darjah penglihatan hanya 5 meter sahaja ketika dilanda jerebu pada tahun 1997. Darjah penglihatan yang rendah boleh mengakibatkan kemalangan udara, darat dan laut yang ngeri. Pada September 1992, dua buah pesawat penumpang hampir-hampir berlanggar semasa berlakunya jerebu kerana jarak penglihatan juruterbang terhad semasa melintasi Kuala Lumpur. Selain itu, sebuah pesawat terhempas di Medan, Indonesia akibat daripada jarak penglihatan juruterbang yang terhad disebabkan jerebu pada 1997.

Masalah jerebu akan memberi impak terhadap ekonomi negara. Kesan ini dapat dilihat apabila penerbangan kapal terbang terpaksa dibatalkan. Bernama, pada 15 September melaporkan operasi tiga syarikat penerbangan Malindo Air, AirAsia dan AirAsia X, terjejas akibat keadaan jerebu yang semakin teruk yang melibatkan destinasi Malaysia dan Indonesia ke Pekanbaru, Riau, Indonesia serta ke Kerteh, Terengganu terjejas akibat keadaan jerebu yang semakin teruk. Pengarah Perhubungan Awam dan Komunikasi Malindo Air, Raja Sa'adi Raja Amrin berkata pembatalan penerbangan itu dilakukan demi menjaga keselamatan penumpang dan anak kapal. Industri pelancongan juga turut terkena tempias akibat jerebu apabila pelancong membatalkan lawatan ke Malaysia.

Malah punca rezeki nelayan juga turut terjejas. Berdasarkan akhbar Kosmo! Datuk Mohamad Dolmat, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan menjelaskan, tahap keselamatan nelayan di laut membimbangkan akibat tahap penglihatan yang terjejas. Nelayan yang mengunakan bot kecil hanya mengunakan mata kasar untuk menentukan jarak dan ia berbeza dengan kapal-kapal besar yang mempunyai Sistem Kedudukan Global (GPS).

Masalah jerebu yang melanda Malaysia bukan perkara baru. Sudah banyak kali jerebu menyelubungi atmosfera negara kita. Kepada siapa hendak ditudingkan jari ini? Sudah semestinya kepada negara jiran serumpun kita iaitu Indonesia yang seakan telah membenarkan kegiatan membakar dan membersihkan tanah di Sumatera dan Kalimantan sekitar tahun 1990an. Namun, jari yang ditunding seolah-oleh mengarah ke diri kita kembali. Ini adalah kerana sesetengah syarikat minyak kelapa sawit atau pekebun kecil di Indonesia memilih kaedah tebang dan bakar untuk menjimatkan kos. Walaupun kebakaran berlaku di Indonesia, tetapi ada syarikat dari Malaysia dan Singapura yang terlibat kerana usaha sama atau pemilikan tanah di Indonesia. Misalnya jerebu pada 2013 yang melibatkan syarikat dari Malaysia seperti Sime Darby, Tabung Haji Plantation dan Kuala Lumpur Kepong. Pada tahun ini, kebakaran yang sama dilaporkan berlaku dan berlarutan untuk jangka masa yang agak lama kerana cuaca kering dan panas serta keadaan tanah gambut di Indonesia menyebabkan api sukar dipadam.

Oleh itu, peraturan dan garis panduan yang ketat juga harus digubal sebagai satu amaran keras bagi industri yang terlibat. Baru-baru ini, Presiden Indonesia memberi amaran kepada pihak yang membakar hutan di Indonesia akan dikenakan tindakan undang-undang melalui laporan Malay Mail Online pada 15 September. Amaran sahaja tidak memadai. Seiring dengan pengubalan undang-undang yang lebih terperinci, kerajaan Indonesia perlu memastikan penguatkuasaan undang-undang tersebut adalah telus.

Kegagalan dalam perlaksanaan undang-undang dalam mengatasi jerebu adalah satu masalah serius yang dihadapi kerajaan Indonesia. Mereka gagal utuk menjadi lebih adil dalam mendakwa pihak yang sebenarnya bersalah. Ini berlaku mungkin kerana terdapatnya pihak kuasa dalam pentadbiran yang membantu syarikat yang terlibat. Misalnya Suruhanjaya Pembanterasan Rasuah Indonesia menahan gabenor Riau yang disyaki menerima rasuah daripada syarikat pembalakan pada 2013.

Perbincangan antara negara di Asia Tenggara mengenai isu ini juga boleh menghasilkan penyelesaian bagi masalah jerebu. Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) telah mewujudkan Perjanjian Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan telah dilaksanakan pada 2003 meliputi langkah-langkah menghalang, mengawasi dan mengurangkan jerebu. Namun, Indonesia tidak menunjukkan komitmen kerana mereka tidak memberi jaminan untuk mengikut perjanjian tersebut. Mungkin sedikit pindaan perlu dilakukan. Negara lain berhak meletakkan syarat kepada negara yang melanggar perjanjian ini seperti membayar kompaun terhadap kerugian yang dialami oleh negara lain akibat masalah jerebu.

Walaupun negara-negara di Asia Tenggara sering menghadapi jerebu saban tahun, masalah ini belum dapat diselesaikan kerana kerajaan Indonesia dan organisasi yang bertanggungjawab masih belum memperoleh cara yang sesuai untuk melupuskan pokok kelapa sawit. Walaupun terdapat cara yang lebih selamat dalam pelupusan pokok kelapa sawit, tetapi teknologi yang telah sedia wujud di negara lain belum lagi dilaksanakan di Indonesia. Sebagai contoh teknologi telaga bawah tanah yang telah dilaksanakan oleh Malaysia terbukti lebih selamat dalam menjaga alam sekitar dan kesihatan. Indonesia patut beralih kepada cara perlupusan yang lebih mesra alam pada masa hadapan untuk kesejahteraan negara-negara serantau.

Kesimpulannya, isu jerebu ini wajar diberi perhatian oleh kerajaan Indonesia kerana ia melibatkan negara-negara lain. Semua negara yang terlibat perlu bersepakat dalam menangani masalah ini. Indonesia perlu lebih tegas dan efisien dalam melaksanakan undang-undang berkaitan punca masalah dan negara jiran seperti Malaysia dan Singapura perlulah bersikap lebih telus dalam membantu Indonesia menghukum organisasi yang terlibat dalam masalah ini. Sekiranya kesilapan ini tidak diperbaiki, isu jerebu ini tidak akan selesai.

KRONOLOGI MASALAH JEREBU SEJAK 1997

1997 | Pada tahun 1997, Malaysia dilanda jerebu yang paling teruk iaitu bermula pada bulan September sehingga November 1997. Keadaan bertambah teruk kerana kebetulannya terjadinya El Nino yang menyebabkan kemarau yang berpanjangan sehingga tahun berikutnya. Justeru, kerajaan terpaksa mengisytiharkan darurat kerana bacaan IPU melebihi paras kecemasan iaitu 500.

2005 | Jerebu yang dilanda pada bulan Ogos 2005 direkodkan sebagai fenomena yang lebih teruk berbanding tahun 1997 dan sekali kerajaan terpaksa mengisytiharkan darurat di dua kawasan iaitu Pelabuhan Klang dan Kuala Selangor kerana melebihi paras kecemasan.

2006 | Pada tahun 2006, Malaysia mengalami fenomena jerebu sebanyak tiga kali iaitu bermula pada pertengahan bulan Julai, pertengahan bulan Ogos dan diikuti oleh akhir bulan September.

2010 | Kebakaran di Sumatera, Indonesia sekali lagi menyebabkan jerebu merentasi sempadan Malaysia pada tahun 2010. Kawasan Selatan Malaysia terjejas sehingga mencatatkan paras bahaya dengan bacaan IPU 432. Keadaan ini berterusan sehinggaa dua hari iaitu 20 Oktober sehingga 22 Oktober 2010. Akibatnya, sebanyak 170 sekolah diarahkan untuk ditutup di kawasan Muar, Johor.

2013 | Fenomena jerebu yang melanda pada 24 Jun 2013 seolah-olah mengimbas keadaan tahun 1997. Hal ini kerana bacaan IPU tertinggi yang direkodkan adalah 750 dengan jarak penglihatan 50 meter sahaja. Johor merupakan antara negeri yang terjejas akibat kebakaran hutan di kawasan Riau, Indonesia. Keadaan bertambah teruk apabila kerajaan mengisytiharkan darurat di kawasan Muar dan mengarahkan sebanyak 187 sekolah di kawasan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor untuk ditutup.

RUJUKAN

- The Malaysian Insider Portal (2013), Jerebu: Syarikat-syarikat perladangan Malaysia dituntu serahkan peta ladang
- The Malaysian Insider Portal (2013), Subra minta Indonesia hukum syarikat Malaysia terlibat jerebu
- Astro Awani Portal (2015), Syarikat Malaysia disiasat pihak berkuasa Indonesia berhubung pembakaran hutan
- The Malaysian Insider Portal (2015), 463 sekolah di 7 daerah Sarawak ditutup (17 September)
- Bernama (2015), Lebih 2000 sekolah di Malaysia ditutup akibat jerebu (15 September)
- Berita RTM (2015), Jumlah pesakit dapatkan rawatan akibat jerebu menimgkat 30 peratus di Sarawak (17 September)
- Kosmo! (2015), Jerebu mula bimbangkan penduduk (17 September)
- JJB David (2014), Indonesia's Role in Realizing the Goals of ASEAN's Agreement on Transboundary Haze Pollution, Washington College of Law Journals & Law Reviews, American University Washington College of Law
- Deutsche Welle (2015), Why Southeast Asia's haze problems persists (15 September)
- Malay Mail Portal (2015), Tiada lagi janji-janji manis, tangani jerebu dengan segera (15 September)
- Helena Muhamad Varkey (2011), Plantation Land Management, Fires and Haze in Southeast Asia, Malaysian Journal of Environmental Management
- Forsyth, T (2014), Public concerns about transboundary haze: a comparison of Indonesia, Singapore and Malaysia, DOI: 10.1016/j.gloenvcha.2014.01.013

Ilmu awal lahir usahawan berjaya

Oleh **TONG YIH HUEY**

Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP) bersama Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Seminar Pembudayaan Keusahawanan pada 10 September 2015 di Dewan Tuanku Syed Putera (DTSP) untuk mendedahkan siswa-siswi tahun satu Universiti Sains Malaysia (USM) dengan dunia keusahawanan.

Menurut Penolong Pendaftar, Unit Keusahawanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), Puan Nurul Izzati Rozali, selain memberi pendedahan awal mengenai ilmu keusahawanan kepada siswa-siswi tahun satu, seminar itu juga bertujuan memperkenalkan kelab-kelab keusahawanan universiti, premis-premis perniagaan dan jenis bantuan yang disediakan kepada siswa-siswi untuk menceburi bidang keusahawanan.

"Seminar ini memang dijalankan setiap tahun untuk siswa-siswi tahun satu agar penerangan tentang bidang keusahawanan yang terperinci dapat disalurkan", kata Puan Nurul.

Pengarah Pembangunan Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni, Dr Nazarudin Zainun, dalam ucapannya mengatakan misi PPKSP adalah untuk memperkaya bakat siswa-siswi melalui latihan yang holistik untuk melahirkan graduan yang bertaraf global.

Oleh itu, PPKSP memberikan bantuan, ruang dan peluang seluas-luasnya kepada semua siswa-siswi yang berminat.

"Terdapat 33 premis keusahawanan di Kampus Induk USM yang diusahakan oleh siswa-siswi sendiri, iaitu lima di Dataran Usahawan, 16 di Uptown Mall dan 12 kiosk di desasiswa," katanya lagi.

Sesi perkongsian dengan Ketua Penolong Pendaftar, Encik Izam Fairus Kamaruddin yang bertajuk 'How To Be A Creative Entrepreneur' dan perkongsian Rahsia Dunia Keusahawanan oleh Pengurus Besar (Land Matters) MK Land Holdings Bhd, Tuan Hj. Shahairi Aziz meningkatkan lagi minat siswa-siswi dengan memperkenalkan pelbagai jenis keusahawanan seperti Uber Taxi, GLAMSQUAD, Blue Apron dan AirAsia. Perkongsian itu juga membekalkan cara mendapatkan modal untuk memulakan perniagaan dan mendorong siswa-siswi menjadi usahawan berjaya.

Menurut Nurfazila Rasli, Sains Matematik 1, walaupun semua siswa-siswi tahun satu yang mengambil kursus WUS101 - Teras Keusahawanan diwajibkan hadir seminar itu, tetapi dia berasa seminar itu amat bermanfaat.

"Saya amat berminat dalam berurus niaga dan pernah menjalankan perniagaan kecil. Seminar ini menambah minat saya terhadap keusahawanan dan kefahaman tentang usahawan dan peranannya", kata Nurfazila.

Siswa-siswi baharu terokai Pulau Pinang

Persatuan Bahasa Tiong Hua telah menganjurkan kegiatan menerokai Pulau Pinang pada 12 September untuk mendedahkan keunikan Pulau Pinang dan membantu siswa-siswi baharu Universiti Sains Malaysia (USM) mengenali Pulau Pinang.

Kegiatan tersebut adalah satu kegiatan tahunan Persatuan Bahasa Tiong Hua.

Tujuan aktiviti ini adalah untuk membantu siswa-siswi baru USM menyesuaikan diri dengan suasana Pulau Pinang dan merapatkan hubungan antara siswa-siswi baru USM dengan siswa-siswi lama.

Menurut pengarah projek, Lai Xin Ying, kegiatan tersebut telah menarik 30 siswa-siswi baharu USM.

Beberapa lokasi yang bersejarah dan terkenal telah dilawati oleh mereka, lokasi yang dilawat oleh mereka termasuklah Kek Lok Si, Esplanade dan Muzium Peranakan Pulau Pinang.

Program ini telah membantu siswa-siswi baru USM untuk mengenali Pulau Pinang dan untuk mengeratkan hubungan antara siswa-siswi USM.

IM4U pencetus semangat kesukarelawanan



TIMBALAN Menteri Kesihatan, merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato' Seri Dr Haji Hilmi Haji Yahaya (dua dari kiri) memerhatikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USM, Profesor Dato' Dr Adnan Hussein (empat dari kiri) merasmikan penanaman pokok ru sempena program Volunteer Malaysia IM4U di Balik Pulau.

Oleh **NURUL ANIS ATHIRAH AJIZ**

Lebih seribu siswa-siswi dan Kor Sukarelawan Polis Siswa-siswi (SUKSIS) Universiti Sains Malaysia (USM) terlibat dalam program Volunteer Malaysia IM4U di Balik Pulau, Pulau Pinang.

USM ialah pengelola utama program Volunteer Malaysia di Pulau Pinang yang mendapat kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO).

"Program seperti ini adalah satu program untuk memupuk semangat kesukarelawana dimana pelajar itu sendiri akan mempunyai semangat menolong dalam masyarakat", jelas Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dato' Dr Adnan Hussein.

"Program ini bukan sahaja untuk siswa-siswi mencari mata MyCSD tetapi untuk mereka memupuk semangat keprihatinan terhadap kesejahteraan masyarakat serta meningkatkan semangat perpaduan. Mata MyCSD yang diberi adalah sebagai penghargaan kepada siswa-siswi yang terlibat", tambah beliau.

Volunteer Malaysia ialah program yang dianjurkan buat kali kedua dan mendapat sambutan yang paling tinggi dalam kalangan siswa-siswi baharu.

Program ini dirasmikan oleh Tambalan Menteri Kesihatan merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato' Seri Dr Haji Hilmi Haji Yahaya.

"Program seperti ini adalah salah satu program untuk generasi kita mempunyai nilai membantu masyarakat dengan perasaan rela tanpa dipaksa", kata beliau dalam ucapan perasmian di Padang SK Tan Sri Awang Had Salleh, Balik Pulau, Pulau Pinang.

Siswa-siswi yang terlibat melakukan aktiviti mengecat pagar masjid Pulau Betong, menanam pokok ru di Pantai Malindo, gotong-royong memasak bersama-sama orang kampung dan membersihkan kawasan masjid di Kampung Perlis.

Terdapat juga pameran kesihatan, pameran denggi, program derma darah dan pameran statik yang dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan senamrobik oleh ADIKARMA USM. Kampung Pulau Betong, Kampung Perlis, Kampung Sungai Burung, Kampung Terang dan Kampung Santing antara yang terlibat dalam program Volunteer Malaysia.

Turut terlibat Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang, dan Biro Tatanegara Pulau Pinang.

Chico's Cafe revamped

Chico's Cafe located at Anjung Budi, Universiti Sains Malaysia (USM) had recently completed their renovation to make the cafe look more presentable and also to expand the kitchen.

"The move from the previous place to the new place is quite sudden and as you can see clearly, we're not completely done – maybe it will take a couple of months to see how is it and hopefully I'll manage to do something different", said the owner of Chico's Café, Mohd Shaharudin Hamzah.

It is now wider to accommodate more customers and at the same time, providing a delightful ambience.

As for the menu, Shaharudin said the price of the menu are reasonable although it has increased slightly due to the renovation and rental fees.

"I set the price slightly cheaper because of the environment and for the students. I like people to come around to have coffee", said Shaharudin.

He adds that the price of the menu are comparably cheaper when compared to cafes off campus. He also stated that the price depends on the current market as ingredients such as olive oil and Parmesan cheese are quite expensive. Thus, if the costs doesn't goes up, the menu's price will remain.

When asked whether the current economy is affecting his business, Shaharudin agreed and said that they don't gain much in return because the cost is quite high.

"We enjoy and love what we're doing now so we try to make it breakeven", he said.

"I love Chico's Cafe because the food is delicious and it is very near to my school", said Risa Hashimoto, a Japanese who is attending the Intensive English Programme here.

"The environment and decoration here is quite nice, the food itself is delicious too", said Charles Ng Wai Chun, Biological Sciences 1.

It is now wider to accommodate more customers and at the same time, providing a delightful ambience

AD' Trans selusuri negeri utara

Majlis Penghuni Desasiswa Aman Damai (MPDAD) telah berjaya melaksanakan program Aman Damai Trans (AD' Trans) 3.0. Program tersebut melibatkan kerjasama antara Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Kereta Api Tanah Melayu (KTMB).

Destinasi program bermula dari Butterworth, menyelusuri ke Kedah, Perlis dan Thailand.

Matlamat program adalah untuk mempromosikan perkhidmatan KTMB kepada masyarakat khususnya di kawasan berkenaan. Selain itu, program ini juga bermatlamat untuk mempraktikkan elemen kesukarelawanan dan keprihatinan dalam diri siswa-siswi dengan menyatukan satu kombinasi usaha bersama anak yatim dan pelajar sekolah.

Program ini melibatkan 15 orang ahli dan seorang pegawai pengiring. Antara pengisian program adalah, bakti siswa di Sekolah Kebangsaan Iskandar, Kedah, Sekolah Kebangsaan Oran dan Teratak Rahmat, Perlis. Aktiviti komuniti turut diadakan di Prince Songkhla Universiti, Thailand.

Menurut Pengarah Projek, Intan Suraya Zainol, penggunaan kereta api bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan mengelakkan kesesakan lalu lintas malah untuk menjaga kelestarian.

"Saya berharap agar program seumpama ini diperbanyakkan lagi kerana nilai kelestarian dan kesukarelawanan dapat diterapkan secara langsung dan tak langsung", katanya.

Menurutnya lagi, beliau berharap agar legasi AD' Trans akan diteruskan kerana program ini sangat menarik dan memberi manfaat kepada peserta dan masyarakat yang terlibat.

Pasukan bola tampar pilih ahli baru



SISWA- SISWI sedang memanaskan badan sebelum sesi pemilihan ahli baru untuk pasukan bola tampar bermula pada 10 September 2015.

Pasukan bola tampar Universiti Sains Malaysia, (USM) mengadakan sesi pemilihan ahli baharu pada 10-11 September yang lalu di gelanggang bola tampar USM.

Jurulatih pasukan bola tampar USM, Liew Kok How berkata, matlamat program pemilihan itu adalah mengukuhkan kekuatan pasukan dengan memilih ahli baharu yang berkelayakan dan berdaya saing supaya dapat meningkatkan pencapaian pasukannya.

"Kemenangan dalam sukan ini bukan hanya bergantung kepada kebolehan individu, tetapi kerjasama seluruh ahli pasukan dalam setiap perlawanan", kata Liew.

"Interaksi pengajaran antara ahli lama kepada ahli baharu dalam sesi pemilihan itu sangat memuaskan dalam pemberian cadangan yang berguna tentang gaya dan cara pemainan bola tampar", tambah Liew.

Liew yang juga sebagai jurulatih di Majlis Sukan Negeri, (MSN) Pulau Pinang mengulas, masalah yang serius dihadapi ialah sumber kekuatan ahli pasukan dibahagikan secara tidak saksama. Kebanyakan ahli kumpulan yang berpotensi berada di kampus kejuruteraan dan kampus kesihatan sukar melakukan latihan bersama sebelum bertanding.

"Hal ini telah melemahkan semangat dan bekerjasama ahli pasukan kerana jarak di antara ketiga-tiga kampus ini terlalu jauh dan masa diberikan adalah terhad untuk berkumpul dan berlatih sebelum mewakili USM dalam sebarang perlawanan", kata Liew.

Ketua pasukan bola tampar, Chew Boon Wai berkata, sesi pemilihan pada tahun ini telah menarik 50 siswa-siswi, tetapi hanya 12 peserta terbaik dipilih oleh jurulatih.

"Ahli baharu yang kami pilih bukan sahaja memfokuskan kemahiran dan ciri fizikal, peserta yang berpengalaman dan bertatatertib adalah ciri utama kerana akan mempengaruhi perjalanan pasukan mencapai keputusan yang cemerlang dalam setiap pertandingan", kata Chew.

Pasukan bola tampar USM juga menyediakan strategi dan taktik kepada ahli kumpulan menerusi latihan yang berkesan agar semua ahli melengkapkan diri sebelum bertanding dalam Liga Sukan peringkat daerah Timur Laut Pulau Pinang di Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban pada Oktober nanti.

Atlet badminton bolot emas

Oleh **MOHAMAD YUSOF HELMY**

Siswi Universiti Sains Malaysia (USM) sekali lagi telah membanggakan universiti apabila merangkul pingat emas dalam pertandingan badminton di Indonesia, Malaysia, Thailand–Growth Triangle (IMT-GT) yang telah dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) dari 18 – 22 Ogos 2015.

Antara siswi USM yang terlibat ialah Ang Ferng Ying, Seni 2, Eng Suk Cheing, Pengurusan 3, Low Sin Yee, Sains Kesihatan 5, Tok Swee Tee, Sains Farmasi 2 dan Deena Deanna Azhar, Kejuteraan Bahan dan Sumber Mineral 4.

Ketua kumpulan wanita bagi badminton, Ang berkata mereka berlatih selama dua kali seminggu dan latihanan berpusat akan diadakan lima hari sebelum pertandingan tersebut berlangs

Eng berkata semangat berpasukan dan latihan intenstif amat diperlukan oleh seseorang pemain agar mereka dapat memenangi apa jua pertandingan dan berkata bahawa pesaing paling sengit mereka pada tahun ini ialah pemain dari Universitas Sumatera Utara (USU).

Kumpulan badminton wanita ini juga sedang berlatih untuk kejohanan sukan tahunan antara universiti Malaysia-Thailand (MAS-TAI) yang akan berlangsung di Universiti Chiang Mai (CMU)pada 18 – 22 september 2015.

Kejohanan diadakan pada setiap tahun di antara Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Antara universiti Malaysia yang terlibat dengan IMT-GT ialah Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi MARA Perlis (UiTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Kompleks Sukan Azman Hashim bakal dibuka

Kompleks Sukan Azman Hashim (KSAH) di Universiti Sains Malaysia (USM) kini hampir siap 95% dan dijangka boleh digunakan selewat-lewatnya pada tahun ini juga.

Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi USM, Encik Muhamad Mohd Hanif berkata, kompleks sukan yang bernilai RM10 juta tersebut bakal menempatkan dewan serbaguna dan beberapa kemudahan lain termasuk gimnasium, kiosk AmBank serta gelanggang sukan tertutup seperti gelanggang futsal.

"KSAH bakal memberi impak besar kepada warga kampus dan masyarakat sekeliling kerana kemudahan yang bakal diterima oleh pengguna adalah berkualiti dan bertaraf peringkat antarabangsa", ujarnya lagi.

KSAH yang dinamakan sempena nama pengasas kumpulan AmBank ini dibina untuk menyediakan kemudahan sukan yang lebih kondusif dan bertaraf antarabangsa kepada warga USM serta memenuhi keperluan kemudahan sukan tertutup. KSAH dijangka akan meningkatkan kemajuan sukan USM.







ATAS Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Profesor Dato Dr. Omar Osman turut bersama peserta Run For Peace 2015 (RFP2015) yang diadakan di Kampus Induk USM pada 20 September 2015.
KIRI Peserta RFP2015 melakukan regangan badan sebelum bermulanya acara.

RFP 2015 pupuk budaya keamanan

Run For Peace (RFT2015) adalah satu acara bukan pertandingan yang dianjurkan oleh Soka Gakkai Malaysia (SGM) untuk membentuk satu budaya keamanan dalam komuniti. Acara bermatlamat untuk menggalakkan remaja dan orang ramai untuk berhimpun bagi tujuan keamanan dan pada masa yang sama, untuk mempromosikan kesihatan individu dan komuniti menuju ke arah hidup sihat.

Acara dianjurkan setiap dua tahun bermula dari 2005 di Selangor dengan 10,000 peserta. RFP2013 telah menjadi acara kebangsaan dan jumlah peserta mencapai 60,000 di 14 lokasi.

Pada tahun ini, 90,000 peserta melibatkan diri di 19 lokasi di seluruh negara dari 6 hingga 20 September 2015. Larian ini peroleh sokongan Kementerian Belia dan Sukan, serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti di Jabatan Perdana Menteri.

Pada 20 September 2015, larian ini diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) dengan seramai 9,400 peserta. Larian ini anjuran bersama Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM), USM dan SGM Cawangan Pulau Pinang.

Jarak larian RFP2015 sejauh 8 kilometer di USM dilancarkan oleh Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman bertempat di Padang Minden USM.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Jaringan, Industri dan Masyarakat USM, Profesor Dato' Dr See Ching Mey, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi USM, Profesor Dato' Dr Muhamad Jantan, Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi USM, Tuan Haji Muhamad Mohd Hanif, dan Naib Pengerusi SGM, Cawangan Pulau Pinang, Encik Tan Kar Bin.

Menurut Profesor Dato Dr. Omar Osman, RFP2015 ialah satu program yang cukup bermanfaat kepada semua masyarakat terutama siswa-siswi USM dalam membentuk satu budaya cinta akan keamanan dalam komuniti.

Selain larian, beberapa program menarik termasuk pameran keamanan dan persembahan budaya telah diadakan. Pameran keamanan Segala yang Anda Hargai dari 14 hingga 19 September 2015 telah diadakan di foyer Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) USM. Pameran itu telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor BJIM, Profesor Dato' Dr See Ching Mey.

Penganjur berharap acara ini dapat memberi inspirasi kepada orang ramai untuk menyedarkan orang ramai tentang kepentingan mengambil tindakan demi keamanan dan mewujudkan budaya keamanan dalam masyarakat.

USM Jokers pulang awal pada Kejohanan MASUM 2015

Oleh **FATIHAH ABDUL RASHID**

Hasrat pasukan ragbi Universiti Sains Malaysia (USM) atau dikenali sebagai USM Jokers untuk meraih kejayaan pada Kejohanan Ragbi Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2015 tidak menjadi kenyataan apabila pasukan ini kalah pada permulaan pertandingan. Pertandingan Ragbi MASUM kali ini diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai.

USM Jokers berada dalam kumpulan B bersama dengan pasukan pilihan kejohanan iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pada perlawanan pertama USM Jokers menentang UiTM Lions dan kemenangan berpihak kepada UiTM Lions dengan mata 54-6. USM Jokers kalah kepada pasukan pilihan kejohanan dan pasukan UiTM ini dibarisi oleh pemain kebangsaan dari skuad Sukan Asia Tenggara (SEA) ternyata bukan tandingan Jokers.

Perlawanan kedua pula menyaksikan USM Jokers tewas kepada pasukan UTM.

Menurut jurulatih pasukan USM Jokers Ariff Redza, terdapat beberapa strategi yang dijalankan oleh USM Jokers untuk meningkatkan tahap keterlibatan pelajar dalam sukan ragbi ini dengan membuat program pembangunan untuk pelajar yang berminat bermain ragbi. Belajar daripada kemahiran asas sehingga ke tahap profesional.

"Alhamdulillah dengan persiapan dan pengorbanan para pemain berikan kepada pasukan sangatlah tinggi dan tidak dapat dibalas dengan wang ringgit. Mereka berlatih di bulan puasa, mengorbankan masa cuti semester dan ketika hari raya ke 5 para pemain sudah mula menjalani latihan fasa akhir untuk ke MASUM 2015. Namun kami percaya bahawa kekalahan ini adalah pembakar semangat untuk kami bangkit pada kejohanan selepas ini. InsyaAllah kami akan bangkit untuk kejohanan seterusnya", jelas Redza.

Bagi ketua pasukan, Mohd Izzuwan Ahmad Sukri sukan ragbi di USM masih belum mendapat tempat di hati pelajar kerana mereka takut untuk mencuba sesuatu yang baru dalam sukan, ditambah pula dengan kurangnya keyakinan diri serta takut untuk belajar daripada permulaan.

Selain itu, USM juga tidak memberi sokongan yang jitu terhadap sukan ragbi di USM. Mereka lebih banyak bergerak secara sendiri untuk mencari dana kewangan dan lain-lain keperluan. USM hanya menyediakan keperluan peralatan dan padang sahaja.

"Dalam MASUM 2015, kami sudah cuba yang terbaik tetapi UiTM Lions adalah pasukan yang lebih baik daripada kami dengan pemain berpengalaman yang sudah bermain di peringkat antarabangsa. Saya berharap para pemain akan terus memberi komitmen yang tinggi terhadap pasukan kerana semua mereka berpotensi untuk membantu pasukan dalam setiap kejohanan dan saya juga berharap agar unit sukan USM akan terus memberi kepercayaan dan peluang kepada kami dengan memberi dana dan peruntukan kepada kami", jelas Izzuwan lagi.